



PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT PERTAMA PENGKAL PERTAMA PARLIMEN KEDUABELAS 2008

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK
DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN
RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN**

KHAMIS: 22 MEI 2008

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 6, 12 HINGGA 68)

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 5
7 HINGGA 11**

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SOALAN NO: 6

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH

TARIKH: 22 MEI 2008

SOALAN:

DATO' WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH [Kota Bharu] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah insentif yang diberikan kepada syarikat yang mengadakan latihan "in-house" untuk meningkatkan kebolehan pekerja dalam semua sektor.

PR-1211-L12404

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Hanya majikan-majikan yang mendaftar dan membayar levi di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) yang melatih pekerja, layak mendapat bantuan kewangan bagi tujuan peningkatan kemahiran supaya pekerja lebih kompeten dalam menjalankan tugas. Dalam hubungan ini latihan yang dijalankan sama ada secara latihan dalaman (*in house*), latihan luaran (*public programme*) atau latihan luar negara berkecualan mendapat bantuan kewangan. Dari tahun 2003 hingga 2007, sebanyak 2.73 juta tempat latihan telah diluluskan bagi pekerja mengikuti latihan dengan bantuan kewangan sebanyak RM 1.28 billion. Dari jumlah itu sebanyak 1.83 juta tempat latihan yang diluluskan adalah untuk latihan dalaman, 891,167 latihan luaran dan 9,462 untuk latihan luar negara.

Bagi majikan yang ingin mempergiatkan latihan dalaman, mereka juga boleh mendapat insentif dalam bentuk bantuan kewangan untuk mewujudkan bilik latihan di premis mereka. Mereka juga layak mendapat bantuan kewangan untuk pembelian komputer bagi mempergiatkan latihan dalam bidang teknologi maklumat (ICT). Semenjak tahun 2003 sehingga 31 Mac 2008 sebanyak RM 17.65 juta bantuan kewangan telah diluluskan kepada majikan.

NO. SOALAN : ¹²~~25~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN FUZIAH BINTI SALLEH
(KUANTAN)**

TARIKH : 22 MEI 2008

**SOALAN : PUAN FUZIAH BINTI SALLEH
(KUANTAN)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan bagi setiap kawasan Parlimen pada sesi Parlimen ke-11 yang lalu.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,
Jumlah Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri bagi setiap kawasan Parlimen pada sesi Parlimen ke-11 yang lalu adalah sebanyak RM4.15 juta ringgit. Pengagihan mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN SETIAP KAWASAN PARLIMEN
2004	RM600,000
2005	RM550,000
2006	RM2,000,000
2007	RM1,000,000
JUMLAH	RM4,150,000

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KESEBELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LILAH BIN YASIN
(JEMPOL)
TARIKH : 22 MEI 2008
SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah dasar pembangunan naik taraf jalan di perkampungan masyarakat India di ladang-ladang

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian tiada mempunyai dasar pembangunan naik taraf jalan di perkampungan masyarakat India di ladang – ladang. Adalah menjadi tanggungjawab pemilik ladang untuk menyediakan kemudahan naik taraf jalan di kawasan ladang – ladang mereka.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD.
YUSOFF (RANTAU PANJANG)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 22.05.2008

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah benar wujud apa yang disebut sebagai Tabung Warisan Petronas dan telah ditubuhkan sejak lebih 20 tahun yang lepas. Jika ya, apakah tujuan tabung tersebut diwujudkan dan berapakah jumlah tabungannya sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan berpandangan Tabung Warisan Petronas yang dimaksudkan telah diwujudkan sejak lebih 20 tahun lalu adalah merujuk kepada Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) yang telah ditubuhkan pada 18 Februari 1988 di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 (Akta 339). KWAN telah ditubuhkan dengan tujuan untuk memastikan penggunaan optimum sumber-sumber negara yang menyusut bagi faedah generasi akan datang dan

memberikan sumber pendapatan yang berterusan dan sustainable kepada Kerajaan dan negara.

Akta 339 menetapkan supaya pengurusan dan pentadbiran harian hal ehwal KWAN dipertanggungjawabkan ke atas Bank Negara Malaysia yang akan memastikan dana KWAN dilaburkan di dalam pelaburan yang selamat berdasarkan garis panduan pelaburan yang ditetapkan. Buat masa ini, PETRONAS adalah penabung tunggal kepada KWAN. Jumlah baki tabungan KWAN seperti yang telah diaudit dan dibentangkan di Parlimen sehingga 31 Disember 2006 adalah sebanyak RM3,785 juta. Jumlah ini telah mengambil kira terimaan daripada PETRONAS serta pulangan pelaburan KWAN.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN)**

TARIKH : 22 MEI 2008

SOALAN

Y.B. Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ada pihak yang menganggap bahawa royalti minyak sebanyak 5 peratus diperuntukkan untuk negeri Sabah terlalu kecil dan mencadangkan agar royalti dinaikkan sebanyak 20 peratus sebagai lebih berpatutan. Apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula peratus royalti berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar bayaran royalti minyak kepada Kerajaan-Kerajaan negeri yang berkenaan.

**DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 22 MEI 2008

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan:

- (a) berapakah peruntukan yang dibelanjakan oleh pihak Kementerian bagi program memulihkan serta memelihara hutan simpan dan sungai di negara kita lebih-lebih lagi di Sarawak; dan
- (b) apakah program-program atau aktiviti kesedaran alam sekitar yang telah pihak Kementerian anjurkan untuk rakyat dan adakah ianya berkesan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah memperuntukkan sejumlah RM320.58 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) untuk sektor perhutanan. Daripada jumlah tersebut, RM100 juta telah diperuntukkan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia; RM71.58 juta untuk Jabatan Hutan Sarawak, RM70 juta untuk Jabatan Perhutanan Sabah dan RM79 juta untuk Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Manakala bagi program membaiki dan memelihara sungai pula, sejumlah RM 410.5 juta termasuk RM 10 juta untuk negeri Sarawak diperuntukkan di bawah RMKe-9. Di samping itu, sebanyak RM 192.4 juta termasuk RM 12 juta untuk negeri Sarawak diperuntukkan untuk melaksanakan Rancangan Pengurusan Sungai di bawah RMKe-9.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menjalankan program - program alam sekitar untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat yang meliputi pelbagai kumpulan sasar. Antara program- program ini termasuk:

(i) Pelajar Sekolah dan Insitut Pengajian Tinggi Awam

(a) Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS)

Program ini bertujuan untuk membina sikap positif serta menyemai rasa kasih dan sayang terhadap alam sekitar kepada pelajar-pelajar sekolah. Sebanyak 58 kem telah diadakan pada tahun 2007.

(b) Penerbitan Majalah Era Hijau

Majalah Era Hijau diterbitkan khusus untuk menyebarkan kesedaran alam sekitar di kalangan para pelajar sekolah. Majalah ini dikeluarkan sebanyak 4 kali setahun dan bilangan naskhah untuk setiap keluaran ialah sebanyak 100,000.

(c) Pertandingan Debat Alam Sekitar

Pertandingan debat ini merupakan satu aktiviti tahunan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan mahasiswa tentang pelbagai isu dan permasalahan alam sekitar. Sebanyak 22 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia telah menyertai pertandingan ini pada tahun 2007 berbanding dengan 18 IPTA pada tahun 2006.

(ii) Pengiktirafan Kepada Badan Kerajaan dan Sekolah

(a) Bandar Lestari – Anugerah Alam Sekitar

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk mengiktiraf usaha dan sumbangan badan pentadbiran bandar-bandar untuk mencapai kelestarian alam sekitar melalui polisi dan tindakan. Bilangan penyertaan telah meningkat daripada 6 penyertaan pada tahun 2003/2004 kepada 47 penyertaan pada tahun 2006/2007.

(b) Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memupuk nilai murni dan meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan warga sekolah. Sejumlah 72 buah sekolah telah menyertai program bagi tahun 2007/2008 berbanding dengan 67 buah sekolah bagi tahun 2005/2006.

(iii) Program Kesedaran untuk Orang Awam dan Industri

(a) Pameran Alam Sekitar

Pameran ini dijalankan sepanjang masa pada setiap tahun dan bertujuan untuk memberikan pemahaman lanjut mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar. Sebanyak 125 pameran

diadakan pada tahun 2007 berbanding dengan 87 pada tahun 2006.

(b) Dialog Dengan Industri

Program ini bertujuan untuk membantu syarikat dan kilang menyelesaikan masalah mereka dan mematuhi peruntukan undang-undang. Pada tahun 2007 sebanyak 155 dialog diadakan berbanding dengan 48 dialog pada tahun 2006.

(iv) Program Kesedaran Menerusi Media Elektronik dan Media Cetak

(a) Kempen " Tabiat takpa , bumi binasa "

Kempen "Tabiat Takpa Bumi Binasa" ini yang dijalankan dalam tahun 2007 melalui penayangan mesej kesedaran melalui media elektronik dan media cetak.

Memandangkan terdapat pertambahan bilangan penyertaan dalam aktiviti-aktiviti kesedaran di atas, ini menunjukkan bahawa kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat semakin meningkat. Pihak Kementerian sentiasa berusaha memantapkan lagi program-program sedia ada serta menyediakan program-program baru bagi pelbagai kumpulan sasar melalui pendekatan yang berbeza.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)
TARIKH : 22 MEI 2008
SOALAN : TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakan jumlah peruntukan tahunan oleh Kerajaan Persekutuan untuk negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Perak dan Selangor yang ditadbir oleh Kerajaan Campuran Pakatan Rakyat sepanjang tempoh 5 tahun akan datang, berbanding dengan negeri-negeri lain yang ditadbir oleh Kerajaan BN dan bagaimanakah bentuk kerjasama Kerajaan Persekutuan dan lima Kerajaan Campuran Negeri berkenaan yang akan dijalinkan.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Peruntukan Kerajaan Persekutuan, sama ada peruntukan belanja mengurus atau peruntukan belanja pembangunan, tidak dilulus secara terus kepada negeri-negeri, tetapi sebaliknya dilulus kepada kementerian/jabatan/agensi secara tahunan berdasarkan cadangan keperluan yang dikemukakan

oleh kementerian/jabatan/agensi, kepada Kementerian Kewangan. Satu Proses Pemeriksaan Bajet antara Kementerian Kewangan dengan pemohon iaitu kementerian/jabatan/agensi akan berlaku setiap awal tahun dimana setiap permohonan peruntukan untuk sesebuah projek akan ditapis kewajarannya. Seterusnya, kelulusan peruntukan dibuat berdasarkan tahap keperluan sebenar projek (mengikut sasaran dan objektif) tanpa melebihi jumlah siling peruntukan Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Dari segi pelaksanaan projek-projek pembangunan Negara, kaedah penyelarasan pelaksanaan yang digunakan adalah sebagaimana termaktub di dalam Arahan No. 1, 2004 (Majlis Tindakan Negara) serta mengikut ketetapan Pekeliling/Arahan Perbendaharaan semasa (yang masih berkuatkuasa). Bagi isu-isu pelaksanaan projek yang menyentuh bidang kuasa Kerajaan Negeri seperti isu-isu berkaitan tanah, kerjasama Kerajaan Negeri dipohon untuk menyelesaikan isu-isu tersebut pada kadar

segera bagi memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan berjalan lancar serta siap mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NORAH BINTI ABDUL RAHMAN
(TANJONG MANIS)
TARIKH : 22.5.2008
SOALAN :

Tuan Norah binti Abdul Rahman (Tanjong Manis) minta **Menteri Kesihatan** menyatakan jumlah doktor pakar asing (dalam bentuk perangkaan dan peratusan) yang bertugas di negara kita. Apakah pendekatan Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan doktor pakar tempatan. Apakah langkah segera jangka panjang yang telah dan bakal diambil oleh Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan doktor asing yang sedang berkhidmat di seluruh negara adalah berjumlah 477 orang yang datang dari 22 buah negara. Daripada jumlah itu, sejumlah 110 orang merupakan Pegawai Perubatan Pakar dalam pelbagai bidang.

Secara keseluruhannya, sejumlah 49 peratus daripada jumlah ini merupakan warganegara India, 25 peratus Myanmar dan 20 peratus Mesir manakala bakinya adalah dari negara-negara lain.

Bidang-bidang kepakaran yang dimiliki oleh Pegawai Perubatan Pakar bukan warganegara ini adalah Pembedahan Umum iaitu sejumlah 21 peratus, Obstetrik & Ginekologi sejumlah 12 peratus dan masing-masing 11 peratus dalam bidang Bius, Pediatrik dan Perubatan Umum.

Kementerian Kesihatan sentiasa mengutamakan warganegara tempatan dalam pengisian jawatan Pegawai Perubatan Pakar dan berusaha memastikan bilangan Pegawai Perubatan Pakar warganegara tempatan ditambah dari semasa ke semasa. Antara langkah yang telah dan sedang diambil termasuklah :

- a) menambahkan bilangan tempat dalam melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang kepakaran;
- b) bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam program menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran yang bekerja di luar negara pulang ke Malaysia untuk berkhidmat sebagai pegawai perubatan di hospital-hospital Kerajaan;

- c) menggunakan khidmat Pegawai Perubatan Pakar dari hospital swasta untuk bertugas di hospital-hospital Kerajaan secara sessional;
- d) menambahbaik terma dan syarat-syarat perkhidmatan Pegawai Perubatan dengan mewujudkan pelbagai insentif dan peluang kemajuan kerjaya yang baik; dan
- e) memperkenalkan *Locum* dan *Full Paying Patients* serta elaun-elaun dan insentif-insentif yang lebih menarik kepada Pegawai Perubatan.

SOALAN NO. 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)

TARIKH : 22/5/2008 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan punca utama kekurangan Pegawai Jabatan Kebajikan dan Masyarakat dan langkah-langkah untuk mengatasinya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan utama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ialah:

- i. Memberi perlindungan dan pemulihan kepada 7 kumpulan sasar Jabatan iaitu kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya, orang papa, pertubuhan sukarela kebajikan, mangsa bencana dan keluarga;

- ii. Membangunkan masyarakat melalui perubahan sikap dan peningkatan keupayaan untuk berdikari;
- iii. Mewujudkan masyarakat yang berbudaya penyayang; dan
- iv. Mewujudkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial yang profesional dan perkongsian tanggungjawab yang strategik.

Di samping itu, beberapa program dan inisiatif baru Kerajaan seperti pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat, program Khidmat Sokongan Saksi Kanak-kanak, penubuhan Taska Komuniti, Pusat Jagaan Harian Warga Emas(PJHWE), Pusat Aktiviti Warga Emas(PAWE), Unit Khidmat Penyayang (unit bergerak) dan tempat perlindungan mangsa pemerdagangan orang telah dipertanggungjawabkan kepada JKM.

JKM juga bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Orang Papa 1977, Akta TASKA 1984, Akta Pusat Jagaan 1993, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, Akta Kanak-kanak 2001, Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007, Akta Antipemerdagangan Orang 2007 dan pemantauan terhadap Talian Nur.

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang begitu luas dan mencabar ini, JKM mempunyai kekuatan anggota seramai 6,369 orang yang berkhidmat di peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah di seluruh negara serta di 60 buah institusi kebajikan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,153 jawatan telah diisi (81.00%) dan sejumlah 1,216 masih belum diisi (19.00%). Usaha-usaha giat sedang dilaksanakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan tersebut dan saya penuh yakin pengisian jawatan yang kosong ini akan dapat menambahbaik kualiti penyampaian perkhidmatan JKM.

Bagi meningkatkan lagi kualiti dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, JKM melaksanakan usaha-usaha seperti berikut:

- (i) Menstruktur semula organisasi;
- (ii) Meningkatkan aplikasi sistem komunikasi dan teknologi maklumat dalam sistem penyampaian perkhidmatan; dan
- (iii) Menambahbaik proses kerja secara berterusan supaya lebih cepat, cekap dan berkesan.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR.
MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 22 MEI, 2008 [KHAMIS]

**SOALAN : YB. DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR.
MAHATHIR [JERLUN] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan:-**

Adakah hanya kerana kenaikan harga minyak yang menyebabkan harga bahan mentah seperti racun serangga juga naik secara mendadak hingga menjejaskan kadar keuntungan yang diperolehi oleh pesawah-pesawah padi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyedari yang kenaikan harga minyak telah menyebabkan kenaikan kepada kos membajak dan racun tanaman. Kenaikan kos ini akan menyebabkan pulangan yang diperolehi oleh pesawah berkurang. Walaubagaimanapun, bagi menangani masalah ini dan memastikan yang pesawah mendapat pulangan yang berpatutan mulai tahun 2007, Kerajaan telah melaksanakan Skim Insentif Pengeluaran Padi pada tahun 2007 sebanyak RM 240 sehektar iaitu upah pembajakan dengan nilai RM100 setiap hektar dan bekalan baja tambahan sebanyak RM 140.00 setiap hektar. Dengan pemberian insentif ini, bebanan kos pengeluaran padi yang ditanggung oleh petani dapat dikurangkan.

Di samping itu, bagi meningkatkan pendapatan pesawah, Kerajaan juga telah melaksanakan Insentif Peningkatan Hasil sebanyak RM650.00 bagi setiap tan berbanding dengan musim asas. Pemberian Subsidi Baja Padi dan Subsidi Harga Padi juga diteruskan bagi tujuan mengurangkan kos pengeluaran mereka dan meningkatkan pendapatan persawah.

SULIT

NO SOALAN : 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MOHD PUAD BIN
ZARKASHI
(BATU PAHAT)**

**TARIKH : 22 MEI 2008
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah dan kaedah kenaikan berbagai pangkat anggota tentera untuk tahun 2007 hingga sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang telah dinaikkan pangkat sejak tahun 2007 sehingga sekarang ialah seramai 14,577 (13.7%) orang pegawai dan Lain-Lain Pangkat (LLP).

Kenaikan pangkat bagi anggota ATM ditentukan menerusi pelbagai kaedah dan syarat-syarat seperti kekosongan perjawatan dan kelayakan yang dimiliki. Syarat-syarat kelayakan merangkumi pelbagai aspek termasuk taraf kekananan, kelulusan kursus kerjaya, kes-kes disiplin, tahap kesihatan yang menjadi asas sokongan kenaikan pangkat. Selain itu setiap calon akan melalui proses sokongan yang telah ditetapkan. Dalam hal ini, bagi pegawai ATM mereka perlu mendapat sokongan dari Lembaga Kenaikan Pangkat dan Majlis Angkatan Tentera (MAT) sebelum diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

No: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Datuk Haji Mohamed Haji Aziz (Sri Gading)

TARIKH : 22 MEI 2008

SOALAN : **YB Datuk Haji Mohamed Haji Aziz (Sri Gading)** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kejayaan yang berjaya dilaksanakan ketika negara menjadi Pengerusi OIC.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jika kita lihat, setelah sekian lama perhatian diberikan kepada isu-isu politik, semasa mempengerusikan OIC Malaysia telah berjaya memberi fokus kepada isu-isu ekonomi di samping isu teras OIC iaitu mencari jalan penyelesaian isu Palestin. Usaha-usaha ini secara keseluruhannya bertujuan membangunkan ekonomi negara-negara OIC yang masih miskin dan mundur melalui pembangunan sumber

manusia, institusi, organisasi, kemahiran pengurusan dan pembangunan infrastruktur. Selain itu, Malaysia juga telah mengambil inisiatif bagi meningkatkan kefahaman dan menangani sebarang salah faham yang wujud di antara Islam dan Barat dengan menganjurkan Forum-Forum bertujuan memupuk kefahaman dan perasaan saling hormat-menghormati di antara kedua belah pihak.

Antara pencapaian-pencapaian utama ekoran inisiatif-inisiatif Negara merupakan menerajui usaha semula Sekretariat OIC termasuk penyemakan semula Piagam OIC, pewujudan Program Bina Upaya Negara-negara OIC (CBP4OICC), Forum Ekonomi Islam Sedunia (*WIEF-World Islamic Economic Forum*), penganjuran siri dialog tahunan '*Islam and the West*', penganjuran Persidangan Zakat Antarabangsa ke arah penubuhan Pertubuhan Zakat Antarabangsa serta usaha menyelaraskan dan menyeragamkan pengeluaran persijilan halal antarabangsa.

Walau bagaimanapun, isu berkaitan Palestin tetap kekal sebagai antara agenda utama yang sentiasa dibangkit dan diperjuangkan oleh Malaysia di pelbagai persidangan dan forum yang berkaitan, sama ada di peringkat serantau dan antarabangsa termasuk bekerjasama dengan pihak Sekretariat PBB bagi menganjurkan Mesyuarat Serantau Asia dan Pasifik Berhubung Isu Palestin yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 15 hingga 16 Disember 2006 dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif OIC Yang Diperlebarakan pada 3 Ogos 2006 bagi mencari jalan ke arah mengembalikan

keamanan ke bumi Lubnan ekoran serangan yang dilakukan oleh Israel pada Julai 2006.

Inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan oleh Malaysia ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia akan terus memainkan peranan aktif di dalam Jawatankuasa Eksekutif OIC walaupun kita tidak lagi menjadi Pengerusi OIC.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN AB. AZIZ BIN AB. KADIR (KETEREH)**
TARIKH : **22.05.2008 (KHAMIS)**
SOALAN : **10 2 3**

TUAN AB. AZIZ BIN AB. KADIR (KETEREH) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian sedar sikap keprihatinan dan ambil berat Kementerian terhadap kawalan harga barang tidak berupaya diatasi dengan sempurna dan berkesan. Apakah tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal kenaikan harga barang-barang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memandang berat ke atas isu kenaikan harga barang-barang dan sentiasa peka dalam merangka strategi bagi menangani isu ini. Pada hari ini, menangani isu kenaikan harga barang adalah merupakan agenda utama Kerajaan. Langkah yang telah diambil adalah dengan melipatgandakan pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan di seluruh negara ke atas pembekal, pengedar, pemborong serta peruncit. Dalam tempohmasa Januari 2008 hingga 04 Mei 2008 pula, sejumlah 384,019 pemeriksaan telah dijalankan meliputi premis pengilang, pengimport, pemborong, kedai runcit, pasaraya, pasar malam, pasar awam,

kedai makan, kedai pakaian, kedai perabot dan lain-lain. Hasil daripada pemeriksaan ini, sebanyak 617 kes telah dihasilkan di bawah pelbagai akta yang dikuatkuasakan dengan nilai rampasan keseluruhan adalah sebanyak RM 830,455.27.

Kerajaan juga terus melaksanakan kawalan harga sepanjang masa di bawah Akta Kawalan Harga 1946 ke atas gula pasir bertapis kasar dan halus. Kawalan harga secara pentadbiran ke atas 9 jenis barang kawalan iaitu petrol, diesel, gas petroleum cecair, tepung gandum, susu pekat manis, roti (*standard white loaf*), ayam, minyak masak dan simen masih berkuatkuasa dan harga kawalannya masih mengikut harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Satu Pasukan Petugas Khas Menangani Kenaikan Harga juga digerakkan bagi memastikan aktiviti mencatut, menyorok dan menyeludup dapat ditangani secara menyeluruh. Pasukan Petugas Khas ini dianggotai oleh agensi penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kastam Diraja, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen dan lain-lain yang akan menguatkuasakan undang-undang mereka dengan objektif untuk mengambil tindakan bersepadu bagi menangani kenaikan harga barangan di pasaran.

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah baru yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membendung kenaikan harga adalah :

- (i) Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Membendung Inflasi yang dipengerusikan sendiri oleh Y.A.B Perdana Menteri. Mesyuarat Jawatankuasa ini diadakan pada setiap minggu bagi membincang dan mengenalpasti langkah-langkah baru untuk menangani kenaikan harga barangan.

Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah pun diadakan pada 1 April 2008. Pada mesyuarat tersebut telah dibentangkan Dasar Jaminan Makanan Negara. Melalui dasar ini, beberapa cadangan telah dikemukakan. Antaranya ialah menambah kawasan penanaman padi, pengwujudan stok penimbal dan program Buku-Hijau. Sebanyak RM4. bilion juga telah diperuntukkan di bawah dasar ini untuk menjamin bekalan makanan mencukupi dan pada harga yang berpatutan.

- (ii) Program subsidi untuk barang-barang perlu serta penstabilan harga runcit bagi barang-barang ini terus dilaksanakan dan meliputi barangan seperti beras, minyak masak, tepung dan simen. Selain itu, sistem pengedaran barangan sedia ada akan dipertingkatkan dan ditambah baik. Pada masa yang sama, Kerajaan akan mengkaji Akta Kawalan Harga 1946.
- (iii) Peningkatan harga minyak mentah dunia menyebabkan Kerajaan perlu mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk subsidi ke atas diesel dan petrol. Oleh yang demikian, sistem pengurusan subsidi akan dipertingkatkan supaya ketirisan penyaluran diesel dan petrol bersubsidi ini kepada golongan sasaran dapat dibanteras.
- (iv) Dalam menguruskan subsidi ini, tiga prinsip utama akan digunakan iaitu:
 - a. Penyeragaman ke atas harga barang-barang perlu yang mendapat subsidi serta diselaras harga barang kawalan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak;
 - b. Menentukan senarai barangan yang perlu diberi subsidi oleh Kerajaan; dan
 - c. Mengenalpasti dan menentukan kumpulan sasaran yang akan menikmati subsidi daripada Kerajaan.

NO SOALAN: ²⁴~~13~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]

TARIKH: 22 MEI 2008 [KHAMIS]

SOALAN:

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah keputusan untuk memohon maaf kepada Tun Salleh Abas akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan mengakui dan mengiktiraf Tun Salleh Abas atas jasanya sebagai seorang hakim dan Ketua Hakim Negara yang dihormati. Kerajaan juga bersimpati terhadap kesusahan yang dialami Tun Salleh Abas sekeluarga akibat pemecatannya yang mengejut dalam tahun 1988. Pada 17hb April

yang lalu. Kerajaan telah mengumumkan bahawa satu bayaran 'ex-gratia' akan diberi kepada Tun Salleh Abas serta hakim-hakim yang terbabit dalam peristiwa 1988. Diharapkan bayaran ini dapat mengurangkan beban mereka dan akan diambil sebagai tanda bahawa Kerajaan ini mengambil berat akan isu ini. Kerajaan merasakan isu memohon maaf atas peristiwa yang berlaku itu tidak lagi timbul; adalah lebih sesuai untuk Kerajaan mengambil langkah-langkah bagi meneguhkan institusi kehakiman negara masa kini.

Sekian, Terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : YB. Tuan Taib Azamuddin bin Md Taib

TARIKH : 22 Mei 2008

SOALAN:

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan gejala memburukkan imej Islam seperti 'Fitna' oleh Ahli Parlimen Belanda dan 'Satanic Verses' oleh Salman Rushdee tidak ditimbulkan oleh golongan anti Islam di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

JAKIM, antara tindakan yang sedang dan akan diambil tindakan untuk memastikan gejala memburukkan imej Islam tidak ditimbulkan oleh golongan anti Islam di Malaysia adalah:

- i) Antara tindakan tersebut termasuklah mengeluarkan Garis Panduan Penapisan Kandungan Kandungan Bahan-Bahan Penyiaran Berunsur Islam;
- ii) Melaksanakan tapisan terhadap media bagi filem, drama, teater dan lain-lain yang mengandungi unsure-unsur yang memburukkan imej Islam seperti filem, drama, teater dan lain-lain;
- iii) JAKIM sentiasa bekerjasama dengan pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Kastam dalam menapis bahan-bahan penerbitan berunsur Islam dari luar Negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING
TARIKH : 22 MEI 2008 (KHAMIS)
NO. PERTANYAAN : NO. 26

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian sedia untuk mengakui kelayakan Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah-Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia ("UEC") sebagai syarat untuk memasuki universiti-universiti tempatan. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sememangnya telah menerima kelayakan Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah-Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia ("UEC") sebagai salah satu kelayakan masuk ke kursus pengajian di IPTS.

NS-27

LAMPIRAN M
SOALAN 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. MOHAMED HAYATI BIN**
OTHMAN [PENDANG]
TARIKH : **22 MEI 2008**
SOALAN :

Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:-
Perancangan untuk lima tahun akan datang dalam usaha
menambah kedatangan pelancong ke dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Sememangnya Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia sentiasa mempunyai perancangan tertentu bagi mempromosikan destinasi-destinasi pelancongan di Malaysia bagi meningkatkan bilangan ketibaan pelancong ke negara ini. Strategi-strategi promosi telah disusun dan dimuatkan ke dalam Pelan Promosi Tourism Malaysia 2008-2010.

Strategi- strategi ini adalah bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan didalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan iaitu mencapai jumlah ketibaan pelancong seramai 24.6juta orang dengan jumlah pendapatan daripada pelancongan berjumlah RM59.4billion pada tahun 2010.

Bagi melaksanakan strategi yang telah digariskan Kementerian Pelancongan dan agensinya Tourism Malaysia telah mendapat peruntukan sebanyak RM385,996,734.00 untuk usaha-usaha

promosi dan pengiklanan bagi tahun 2008 manakala bagi tahun berikutnya peruntukan adalah bergantung kepada kelulusan dari Kementerian Kewangan.

Strategi-Strategi yang telah dirancang adalah :

- a) Meneruskan tumpuan kepada promosi imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan unggul melalui kempen "branding" yang unik iaitu "Malaysia Truly Asia".
- b) Memasarkan Malaysia berdasarkan pendekatan "destination-focused" dengan mengenal pasti produk-produk pelancongan yang berkualiti dan melaksanakan program promosi yang intensif bagi produk-produk ini.
- c) Mengambil bahagian secara aktif di dalam pameran pelancongan antarabangsa serta menganjurkan Misi Galakan ke luar negara yang turut disertai oleh pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan.

- d) Memasarkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan berkualiti dengan mensasarkan pasaran 'high yield' serta membangunkan konsep pemasaran 'dual destination' berikutan meningkatnya perhubungan udara menerusi kemudahsampaian pelancongan merentasi sempadan terutamanya bagi pasaran Singapura, Indonesia dan Thailand.

- e) Mempertingkatkan promosi 'tactical' dengan penganjuran acara-acara peringkat antarabangsa seperti Pesta Flora, Citrawarna Malaysia, Karnival Jualan Mega, 'F1 Grand Prix', 'Le Tour De Langkawi', 'Formula One Powerboat World Championship' dan lain-lain acara bertaraf dunia.

- f) Melaksanakan Program Mega Familiarization untuk memberi pendedahan kepada para pengusaha pelancongan dan wakil

media asing secara langsung mengenai acara, produk pelancongan dan perkhidmatan yang terdapat di negara ini.

- g) Melaksanakan kempen pengiklanan di pasaran-pasaran utama dan berpotensi.
- h) Bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha pelancongan luar negara dan syarikat penerbangan termasuk MAS dan Air Asia .
- i) Memasarkan Malaysia secara agresif sebagai destinasi M.I.C.E (meetings, incentives, conventions & exhibitions) bagi meningkatkan 'market share' sebanyak 10 peratus setiap tahun agar objektif yang telah digariskan didalam RMK-9 tercapai.
- j) Membangunkan produk-produk pelancongan baru yang berpotensi untuk pasaran khusus (Niche Market) seperti pelancongan eko, pelancongan kesihatan, pelancongan sukan, pelancongan pendidikan dan program Malaysia Rumah KeduaKu.

Tuan Yang DiPertua,

Selain daripada itu, usaha-usaha juga sedang giat dilaksanakan untuk menarik lebih ramai pelawat harian dari negara-negara jiran untuk singgah lebih lama di Malaysia dengan mempromosikan pakej-pakej baru ke destinasi-destinasi pelancongan yang terdapat di Malaysia.

Soalan No: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA : Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 22.05.2008 SOALAN NO: 28

Y.B. Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa Kerajaan Malaysia hanya membenarkan bank dan institusi kewangan membuat spekulasi di Pasaran Forex sedangkan individu atau retail traders dilarang berbuat demikian.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan membenarkan rakyat untuk berurus niaga mata wang asing seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 4 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953. Menurut Seksyen tersebut, mana-mana pihak dibenarkan untuk berurus niaga mata wang asing dengan bank-bank berlesen tempatan yang merangkumi bank perdagangan, bank pelaburan, bank Islam dan bank Islam antarabangsa di Malaysia.

No: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN)
TARIKH : 22.05.2008 (KHAMIS)
SOALAN : 20 29

DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN) minta MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan apakah mekanisme
terbaru dan terbaik dalam membendung kenaikan harga bahan makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Isu menangani kenaikan harga dan inflasi merupakan agenda utama kerajaan pada hari ini. Y.A.B Perdana Menteri sendiri telah mengeluarkan kenyataan untuk mengurangkan projek pembangunan yang kurang memberi impak kepada rakyat bagi membolehkan peruntukan berkenaan digunakan untuk memastikan bekalan makanan negara terjamin dan harga barang adalah berpatutan.

Antara langkah baru yang telah diambil oleh kerajaan untuk membendung inflasi ialah :

1. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Membendung Inflasi yang dipengerusikan sendiri oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Mesyuarat Jawatankuasa ini diadakan pada setiap minggu bagi membincang dan mengenalpasti langkah-langkah baru

untuk menangani kenaikan harga barangan. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah pun diadakan pada 1 April 2008. Pada mesyuarat tersebut telah dibentangkan Dasar Jaminan Makanan Negara. Melalui dasar ini beberapa cadangan telah dikemukakan, antaranya ialah menambah kawasan penanaman padi, pengwujudan stok penimbal dan Program Buku Hijau. Sebanyak RM4 bilion juga telah diperuntukkan di bawah dasar ini untuk menjamin bekalan makanan mencukupi dan pada harga yang berpatutan.

2. Program subsidi untuk barang-barang perlu serta penstabilan harga runcit bagi barang-barang ini terus dilaksanakan dan meliputi barangan seperti beras, minyak masak dan tepung. Selain itu, sistem pengedaran barangan sedia ada akan dipertingkatkan dan ditambah baik. Pada masa yang sama, Kerajaan akan mengkaji Akta Kawalan Harga dan kawalan input bagi beberapa barangan tertentu agar ianya tidak akan membebankan pengguna.

SOALAN NO. 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE**
KAWASAN : **PETALING JAYA UTARA**
TARIKH : **22.05.2008 (KHAMIS)**

SOALAN:

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:-

- (a) jumlah "Approved Permit (AP)" kereta import yang dikeluarkan pada 2007 berbanding dengan tahun-tahun yang lalu; dan
- (b) apakah anggaran jumlah AP yang akan dikeluarkan pada tahun ini dan adakah MITI bercadang melolong AP supaya hasil yang dikutip Kerajaan dapat ditingkatkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tahun 2006, jumlah AP yang dikeluarkan ialah 38,545 unit berbanding sebanyak 57,267 unit pada tahun 2005. Manakala bagi tahun 2007, sebanyak 27,838 unit AP kenderaan telah dikeluarkan.

Untuk tahun 2008, berdasarkan jumlah pengeluaran kenderaan tempatan pada tahun 2007, anggaran jumlah AP 2008 ialah 44,168 unit iaitu

berdasarkan had bumbung peruntukan AP kenderaan 10 peratus daripada jumlah pengeluaran tempatan bagi tahun sebelumnya.

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan kaedah lelongan atau tender terbuka Permit Import (AP) kenderaan. Ini adalah kerana antara matlamat pemberian AP adalah bertujuan untuk menggalakkan dan memberi peluang kepada usahawan Bumiputera bergiat dalam sektor automotif tempatan. Sekiranya kaedah lelongan atau tender terbuka dilaksanakan, hanya sebilangan kecil usahawan Bumiputera yang mampu membida harga lelongan tertinggi. Ini akan menjejaskan peluang pemegang AP sedia ada untuk meneruskan perniagaan dan menjejaskan pelaburan sedia ada seperti bilik pameran dan tenaga kerja.

NO: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG [LABIS]

TARIKH : 22 MEI 2008 (KHAMIS)

SOALAN : 31

Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memantapkan sistem pengangkutan Transit Aliran Ringan (LRT) memandangkan perkhidmatan ini sering tergendala.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Keretapi Malaysia di bawah Kementerian Pengangkutan adalah diberi kuasa untuk memantau semua operator rel dan LRT termasuk Syarikat Rapid KL. Langkah-langkah memantapkan yang dijalankan oleh Jabatan Keretapi ialah menjalankan pemeriksaan berkala untuk memastikan perkhidmatan selamat dan lebih cekap; siasatan apabila berlaku apa-apa masalah teknikal yang mengendalakan perkhidmatan untuk memastikan punca masalah diatasi dan tidak berlaku lagi.

Latihan kecemasan (*Emergency Response Simulation*) dilaksanakan dengan kerjasama semua agensi tindakan keselamatan seperti pasukan polis dan bomba bagi menjamin keselamatan penumpang terjaga dalam keadaan kecemasan.

Bagi memastikan Sistem LRT beroperasi lebih cekap, pihak Rapid KL dan Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) telah membeli tren tambahan yang baru serta membaik pulih tren lama.

Bagi kes tertentu, Kementerian telah melantik perunding bagi mengaudit operasi dan sistem infrastruktur LRT agar ia selamat dan di senggara dengan baik.

No: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (TELOK INTAN)
TARIKH : 22.05.2008 (KHAMIS)
SOALAN : 26 32

TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (TELOK INTAN) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi harga barangan yang naik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Isu menangani kenaikan harga dan inflasi merupakan agenda utama kerajaan pada hari ini. Y.A.B Perdana Menteri sendiri telah mengeluarkan kenyataan untuk mengurangkan projek pembangunan yang kurang memberi impak kepada rakyat bagi membolehkan peruntukan berkenaan digunakan untuk memastikan bekalan makanan negara terjamin dan harga barang adalah berpatutan.

Antara langkah baru yang telah diambil oleh kerajaan untuk membendung inflasi ialah :

1. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Membendung Inflasi yang dipengerusikan sendiri oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Mesyuarat Jawatankuasa ini diadakan pada setiap minggu bagi membincang dan mengenalpasti langkah-langkah baru

untuk menangani kenaikan harga barangan. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah pun diadakan pada 1 April 2008. Pada mesyuarat tersebut telah dibentangkan Dasar Jaminan Makanan Negara. Melalui dasar ini beberapa cadangan telah dikemukakan, antaranya ialah menambah kawasan penanaman padi, pengwujudan stok penimbal dan Program Buku Hijau. Sebanyak RM4 bilion juga telah diperuntukkan di bawah dasar ini untuk menjamin bekalan makanan mencukupi dan pada harga yang berpatutan.

2. Program subsidi untuk barang-barang perlu serta penstabilan harga runcit bagi barang-barang ini terus dilaksanakan dan meliputi barangan seperti beras, minyak masak, tepung, besi dan simen. Selain itu, sistem pengedaran barangan sedia ada akan dipertingkatkan dan ditambah baik. Pada masa yang sama, Kerajaan akan mengkaji Akta Kawalan Harga dan kawalan input bagi beberapa barangan tertentu agar ianya tidak akan membebankan pengguna.

3. Peningkatan harga minyak mentah dunia menyebabkan Kerajaan perlu mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk subsidi ke atas diesel dan petrol. Oleh yang demikian, sistem pengurusan subsidi akan pertingkatkan supaya ketirisan penyaluran diesel dan petrol bersubsidi ini kepada golongan sasaran dapat dibanteras.

4. Dalam menguruskan subsidi ini, tiga prinsip utama akan digunapakai iaitu:

- a. Penyeragaman ke atas harga barang-barang perlu yang mendapat subsidi serta di selaras harga barang kawalan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak;
- b. Menentukan senarai barangan yang perlu diberi subsidi oleh Kerajaan; dan
- c. Mengenalpasti dan menentukan kumpulan sasaran yang akan menikmati subsidi daripada Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD. FIRDAUS BIN JAAFAR
TARIKH : 22 MEI 2008 (KHAMIS)
NO. PERTANYAAN : NO. 33

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan universiti khusus dalam bidang kejururawatan di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Ahli Berhormat, umumnya penubuhan sesebuah universiti awam adalah mengambil kira faktor keperluan strategik negara, kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujuhan tertentu terhadap pembangunan sosio ekonomi negara, kedapatan sumber manusia serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan di pasaran kerja.

Pada masa ini 10 buah IPTA yang menawarkan program dalam bidang kejururawatan. Selain daripada IPTA, terdapat 35 IPTS yang menawarkan program pengajian kejururawatan. Kementerian berpandangan bahawa jumlah IPT yang sedia ada menawarkan bidang tersebut adalah mencukupi untuk menampung keperluan sumber tenaga mahir negara.

Sehubungan dengan itu, Kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan universiti khusus dalam sesuatu bidang kejururawatan.

SOALAN NO: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN RAZALI BIN HAJI IBRAHIM [MUAR]
TARIKH : 22 MEI 2008
RUJUKAN : 902

SOALAN:

Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha drastik Kementerian dalam menambah baik keselamatan awam dengan memberi tumpuan khas kepada penambahan anggota penguat kuasa polis, mempertingkatkan kelengkapan dan latihan yang diperlukan.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B dari Muar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah meluluskan 60,000 perjawatan baru kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berperingkat dari tahun 2007 hingga 2012 dengan tujuan untuk mengatasi kekurangan anggota PDRM bagi menangani masalah kenaikan kadar jenayah.

Di samping itu juga, berbagai-bagai usaha drastik telah dirancang bagi menambah baik keselamatan awam seperti berikut:

- 1) Menambah kapasiti pusat-pusat latihan dengan membina pusat latihan baru dan menaik taraf pusat latihan sedia ada di seluruh negara;
- 2) Memperkenalkan Kaedah 3 + 3 + 1 dan Sekolah Latihan Kontinjen. Kaedah 3 + 3 + 1 digunakan untuk mendapatkan jumlah yang disasarkan selain daripada memperkukuhkan keberkesanan latihan kepada pelatih. Kaedah ini bermaksud 3 bulan pertama, pelatih menjalani latihan di Pusat Latihan Polis (PULAPOL), 3 bulan kedua pula pelatih menjalani latihan amali di Kontinjen dan 1 bulan terakhir pelatih akan balik semula

menjalani latihan di PULAPOL. Bagi melaksanakan kaedah ini, Sekolah Latihan Kontinjen akan diwujudkan di seluruh negara. Kaedah ini telah pun dilaksanakan bermula pada 12 Mac 2008 melalui projek perintis melibatkan seramai 488 pelatih di PULAPOL Muar dan ianya akan tamat pada 31 Mei 2008. Program ini akan dilaksanakan sepenuhnya pada 1 Jun 2008.

- 3) PDRM juga telah meningkatkan jumlah perjawatan Bahagian Latihan PDRM termasuk perjawatan di PULAPOL dengan menyusun semula struktur organisasi dan mengambil pesara PDRM untuk berkhidmat sebagai tenaga pengajar.
- 4) Memperkemaskan Program Latihan Asas Kepolisian (PLAK). Program ini telah diperkemaskan dengan konsep **Ready for Job** bagi memenuhi keperluan latihan seiring dengan perkembangan semasa dalam memenuhi tuntutan masyarakat yang tinggi kepada pasukan. Subjek-subjek yang disyorkan dalam penambahbaikan pengurusan PDRM telah dikemas kini dengan membuat beberapa penambahan seperti hak asasi kemanusiaan termasuk hak kanak-kanak dan wanita, integriti dan rasuah. Pemimpin-pemimpin tertinggi PDRM sendiri akan turun padang berjumpa dengan pelatih-pelatih untuk menyuntik semangat mereka supaya sentiasa berintegriti, kompeten dan komited untuk bekerjasama dengan masyarakat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 22 MEI 2008

RUJUKAN : 903

SOALAN:

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan menyenaraikan penerbitan yang
diharamkan kerana faktor agama semenjak 2005.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301) Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab untuk mengawalselia bahan-bahan bercetak agar tidak menyiarkan bahan-bahan penerbitan yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan dari aspek ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai atau yang berlawanan dengan undang-undang dan mungkin memudaratkan kepentingan awam kepentingan negara.

Dalam melaksanakan peranan ini, Y.B Menteri Dalam Negeri di beri kuasa di bawah peruntukan seksyen 7(1) Akta yang sama bagi mengenakan Perintah Larangan (mengharamkan) terhadap penerbitan yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan mengikut tujuh (7) elemen yang dinyatakan tersebut.

Sepanjang tahun 2005 sehingga 2008 (Mac 2008), Kementerian telah mengambil tindakan mengenakan Perintah Larangan (mengharamkan) penerbitan pelbagai bahasa berjumlah **216 tajuk** yang didapati memudaratkan ketenteraman awam dan kemoralan.

Dari jumlah ini, **118 tajuk** telah dikenakan Perintah Larangan kerana faktor agama (memudaratkan ketenteraman awam). Statistik tindakan tersebut adalah seperti di jadual berikut:

TAHUN	BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS	BAHASA CINA	BAHASA TAMIL	BAHASA ARAB	JUMLAH
2005	19 (9)*	16 (11)*	27	-	1 (1)*	63 (21)*
2006	20 (16)*	32 (14)*	1 (1)*	2 (1)*	1 (1)*	56 (33)*
2007	30 (24)*	29 (29)*	25	-	-	84 (53)*
2008	3 (3)*	8 (8)*	2	-	-	13 (11)*
JUMLAH	75 (52)*	85 (62)*	55 (1)*	2 (1)*	2 (2)*	216 (118)*

Nota: () * dikenakan Perintah Larangan kerana faktor agama

Merujuk jumlah ini, penerbitan yang dikenakan Perintah Larangan (diharamkan) kerana faktor agama berdasarkan tahun ialah, sejumlah 21 tajuk bagi tahun 2005, sejumlah 33 tajuk bagi tahun 2006, manakala pada tahun 2007 pula, sejumlah 53 tajuk. Sehingga Mac 2008, sejumlah 11 tajuk telah dikenakan Perintah Larangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
TARIKH : 22 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh Agensi Pelaksana Koridor Utara sehingga kini dan apakah peranan yang dimainkan oleh sektor swasta dalam projek-projek pembangunan dalam Koridor Utara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) telah dilancarkan pada 30 dan 31 Julai 2007 yang melibatkan empat buah negeri iaitu Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang. Dalam membangunkan NCER ini, satu Pelan Induk pembangunan bagi NCER, yang dinamakan Rangka Tindakan Sosioekonomi NCER atau *NCER Socioeconomic Blueprint*, juga telah disediakan sebagai panduan untuk memacu pembangunan NCER. Dalam hal ini, Rangka Tindakan Sosioekonomi NCER telah mengenal pasti lima sektor utama untuk dimajukan sebagai sektor pemangkin kepada pembangunan NCER iaitu pertanian, pendidikan, infrastruktur, pembuatan, dan pelancongan. Dan bagi menyelaras pembangunan program dan projek dalam setiap sektor

berkenaan serta di keempat-empat negeri NCER ini, maka satu badan yang dinamakan **Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara** atau dengan izin, *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA) telah ditubuhkan. Fungsi utama NCIA ialah sebagai agensi yang bertanggungjawab bagi memastikan Pelan Induk pembangunan Koridor Utara berkenaan lebih berdaya maju dan boleh dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Akta yang berkaitan dengan penubuhan NCIA ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada bulan Disember 2007 dan telah diwartakan pada 14 Februari 2008 lalu. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan Akta ini masih menunggu persetujuan semua Kerajaan-Kerajaan Negeri yang terlibat sebelum ianya dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan pihak NCIA baharu ditubuhkan maka kemajuan dan pencapaiannya pun masih lagi di tahap permulaan. Tambahan lagi, Akta NCIA juga belum lagi dikuatkuasakan. Oleh itu, pihak NCIA masih belum boleh beroperasi sepenuhnya memandangkan ia tidak mempunyai kuasa melakukan apa-apa transaksi atau perjanjian dengan mana-mana pihak yang ingin melaksanakan projek ataupun melabur di NCER. Oleh sebab inilah, kalau kita melengah-lengahkan lagi persetujuan kuatkuasa Akta NCIA ini, maka negeri-negeri di Koridor Utara sendiri akan kerugian dan lambat dapat dilaksanakan program dan projek yang telah dikenalpasti untuk NCER. Inilah salah satu sebab kita lihat mengapa banyak program dan projek di NCER masih lagi belum dimulakan.

Walaupun bagaimanapun, sebagai langkah awal, pihak NCIA tetap telah memulakan beberapa usaha seperti membuat kajian-kajian awal dan perundingan dengan pihak-pihak tertentu sebagai persediaan melaksanakan program dan projek NCER tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi **penglibatan sektor swasta**, peranan pihak swasta dalam pembangunan setiap koridor adalah amat kritikal. Bagi semua koridor, pemacu utama pembangunan koridor adalah pihak swasta manakala Kerajaan hanyalah bertindak sebagai pemudahcara dan membantu (facilitate) pembangunan dengan menyediakan kemudahan tertentu seperti infrastruktur, hubungan dan memudahkan proses pelaburan dalam kawasan koridor berkenaan. Pelaburan Kerajaan dalam pembangunan koridor hanyalah antara 30 hingga 40 peratus sahaja manakala selebihnya adalah daripada pelaburan pihak swasta. Sebagai contoh, Kerajaan hanya melabur sebanyak RM1.6 bilion sahaja daripada jangkakan RM28 bilion yang diperlukan bagi pembangunan NCER dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Bagi Koridor Utara, setakat ini peranan yang dimainkan oleh sektor swasta dalam projek-projek pembangunan di Koridor Utara adalah terhad berikutan daripada Akta NCIA yang belum dikuatkuasakan tadi. Walaupun bagaimanapun, terdapat juga beberapa projek hasil inisiatif sektor swasta sendiri yang telah dimulakan. Misalnya, pihak Sime Darby Berhad telah memulakan inisiatif mereka sendiri di NCER seperti perladangan secara komersil ladang jagung manis di Bukit Tangga, Kedah dan pelaksanaan program sekolah angkat di bawah program Pintar, bersama-sama dengan

beberapa lagi syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Pihak Sime Darby Berhad juga komited untuk melabur dalam penubuhan satu pusat kajian biji benih di Perlis dengan kerjasama kerajaan negeri berkenaan.

Sebenarnya, penglibatan syarikat-syarikat swasta seperti Sime Darby ini adalah sejajar dengan hasrat yang terkandung dalam setiap Pelan Induk koridor berkenaan iaitu untuk meningkatkan lagi penglibatan sektor swasta dalam pembangunan setiap koridor. Adalah diharapkan syarikat-syarikat swasta ini dapat berperanan sebagai pemangkin untuk menyuntik budaya pelaburan secara lebih produktif lagi menguntungkan dalam pembangunan negara. Kerajaan pula akan memberikan bantuan dan kerjasama kepada usaha syarikat swasta ini yang akan meningkatkan produktiviti dan pembangunan serta memberi faedah secara langsung kepada rakyat di kawasan koridor berkenaan.

PELIBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **YB PUAN ROSNAH BINTI ABDUL RASHID
SHIRLIN (PAPAR)**

Tarih : **22 MEI 2008 (KHAMIS)**

SOALAN:

YB. Puan Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin (Papar) minta **MEISTERI PENERANGAN** menyatakan strategi RTM untuk bersaing dengan penulis-penulis blog atau 'bloggers' yang semakin ramai dan popular dalam mengutarakan isu-isu yang lebih terbuka dan berani berbanding rancangan-rancangan berbentuk forum di RTM.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada YB Papar atas soalan yang dikemukakan. Kementerian Penerangan tidak menganggap *bloggers* sebagai saingan, sebaliknya ia adalah salah satu medium penyampaian maklumat yang boleh dimanfaatkan.

Rancangan 'Bersemuka Bersama Media' yang diperkenalkan RTM memberi peluang kepada pengamal media termasuk *bloggers*, berinteraksi secara langsung dengan Y.B. Menteri. Malah, RTM turut memperkenalkan segmen khas yang memberi platform kepada *bloggers* mengutarakan pendapat, selama 20 minit di RTM1 setiap hari Ahad, bermula 20 April 2008.

PEMBERITAHÚ PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN**
(ALOR GAJAH)
TARIKH : **22.5.2008**

SOALAN:

Y.B. minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah keberkesanan program Kerajaan untuk memupuk budaya membaca di kalangan murid-murid, memandangkan pelajar-pelajar sekarang lebih suka permainan komputer atau menonton televisyen. Adakah Kementerian bercadang mengadakan satu kajian mengenai Program Membaca di kalangan murid-murid sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedar betapa pentingnya diterapkan budaya membaca di kalangan murid sekolah. Antara langkah yang diambil untuk menggalakkan budaya membaca di kalangan murid ialah dengan mengadakan program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) di peringkat sekolah rendah dan menengah, pertandingan Pusat Sumber Sekolah, pertandingan kokurikulum yang memerlukan pembacaan luas seperti pertandingan bercerita, bahas ala Parlimen, pidato Piala Di Raja, kuiz dan pertandingan yang dianjurkan oleh agensi luar dengan kerjasama KPM.

Untuk makluman, melalui program NILAM pelbagai aktiviti telah dilaksanakan, antaranya:

- i. Pertandingan membaca buku terbanyak iaitu bermula dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5;
 - a. Kaedah "baca dan rekod" bagi membudayakan pembacaan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR LO' LO BINTI MUHAMAD GHAZALI (TITIWANGSA)

TARIKH : 22 MEI 2008

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peruntukan pembangunan dan lain-lain peruntukan yang disediakan di kawasan Parlimen Titiwangsa untuk tempoh Parlimen Ke-12.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, terdapat sebanyak 120 projek di kawasan Parlimen Titiwangsa yang mempunyai siling bernilai RM2,422,296,903 dan peruntukan sebanyak RM353,568,570.37.

Selain dari peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, peruntukan-peruntukan lain turut disediakan di bawah belanja mengurus seperti Projek Infrastruktur

Asas, Penyelenggaraan Infrastruktur Awam dan Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri Untuk Kawasan Parlimen. Peruntukan-peruntukan di bawah belanja mengurus ini berubah dari tahun ke tahun berdasarkan kepada bajet yang diluluskan.

NO. SOALAN : 40

**DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]

TARIKH : 22 MEI 2008

SOALAN :

Tuan Mahfuz Bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan masih mengizinkan pasir silika dieksport ke Singapura pada ketika ini, benarkah operasinya dijalankan tanpa permit dan adakah pihak berkuasa Kastam menyedari perkara tersebut dan apakah tindakan yang diambil.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang semua jenis mineral dan bahan batuan boleh dieksport termasuklah pasir silika kecuali pasir binaan dan *armour rock*. Pengeksportan sumber-sumber tersebut adalah tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) (Pindaan) (No. 2) 2007 dan perlu mendapatkan permit eksport yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Kerajaan telah menetapkan bahawa pengeksportan pasir silika ke mana-mana negara hanya dibenarkan untuk kegunaan industri pembuatan seperti kaca, gelas optik dan sebagainya. Pasir silika tersebut hendaklah mengandungi kandungan silika yang melebihi 95%.

Dalam hubungan ini, pihak Kastam DiRaja Malaysia sedia maklum akan dasar yang berkuat kuasa masa kini dan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian ini dalam mengawal pengeksportan sumber pasir silika.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

TARIKH : 22 MEI 2008

SOALAN:

YB. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI)
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) apakah garis panduan dan kriteria yang digunakan Kerajaan ketika menetapkan RM691 sebulan bagi pendapatan isi rumah sebagai garis kemiskinan di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) adakah paras garis kemiskinan yang diguna pakai tersebut akan disemak semula memandangkan peningkatan kos sara hidup yang tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menggunakan kaedah berdasarkan pendapatan isi rumah bulanan yang dikenali sebagai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) untuk mengukur dan menentukan tahap kemiskinan dan kemiskinan tegar. PGK adalah tahap pendapatan minimum bulanan

yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah untuk menampung keperluan perbelanjaan makanan dan bukan makanan seperti pakaian dan keperluan-keperluan lain termasuk sewa rumah, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi. PGK keseluruhan yang merangkumi gabungan perbelanjaan minimum untuk makanan dan bukan makanan ini digunakan untuk mengenal pasti isi rumah miskin. Seterusnya, perbelanjaan minimum ke atas keperluan makanan digunakan pula bagi menentukan PGK makanan bagi mengenal pasti isi rumah miskin tegar. Kadar kemiskinan ditentukan dengan membandingkan PGK dengan pendapatan kasar bulanan bagi setiap isi rumah. Isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada PGK yang ditetapkan akan dianggap sebagai miskin. Manakala isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada PGK makanan pula dikategorikan sebagai miskin tegar.

Tuan Yang di-Pertua,

Penentuan keperluan bukan makanan adalah berdasarkan kepada perbelanjaan isi rumah miskin ke atas barang-barang dan perkhidmatan yang diperolehi daripada Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengiraan keperluan makanan dibuat oleh Kumpulan Kerja Teknikal Pemakanan, Kementerian Kesihatan dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berpandukan kepada *Recommended Daily Allowance* (RDA) 2004. Anggaran keperluan tenaga daripada makanan untuk sebuah isi rumah yang mempunyai lima ahli keluarga yang terdiri daripada dua orang dewasa dan tiga orang kanak-kanak adalah sebanyak 8,725 kalori berdasarkan kepada cara hidup yang semakin *sedentary* dan mengambilkira juga umur, berat badan, jantina, *basal metabolic rate* (BMR), serta tahap aktiviti fizikal (*physical activity level*, PAL) yang berbeza bagi setiap ahli keluarga.

Tuan Yang di-Pertua,

PGK yang diguna pakai sentiasa dikemas kini dengan mengambil kira perubahan indeks harga pengguna (*CPI*) mengikut negeri serta kawasan bandar dan luar bandar. Kebiasaannya, PGK akan dikemas kini secara berkala setiap kali Kerajaan melaksanakan penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) bagi mendapatkan anggaran kemiskinan di Malaysia. PGK yang digunakan sekarang telah dikemaskini berdasarkan CPI tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memang menyediakan pelbagai jenis bantuan bagi membantu golongan miskin dan juga orang kurang upaya serta orang tua agar mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa. Bagi golongan miskin di bandar, termasuk di kawasan Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, program dan bantuan yang disediakan adalah seperti program bantuan perumahan keluarga miskin, pengurangan beban tanggungan keluarga, pendidikan dan latihan dan bantuan ehsan. Program ini adalah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi bantuan perumahan, bantuan dalam bentuk sewa bulanan disediakan berjumlah antara RM70 hingga RM124 sebulan atau kadar sebenar mengikut yang terendah bagi setiap ketua isi rumah. Bagi bantuan pengurangan beban keluarga pula, bantuan kos jagaan kanak-kanak ketaska/tadika berjumlah RM200 atau kadar sebenar mengikut yang terendah disediakan kepada ibu tunggal yang terpaksa bekerja buat kali pertama/bekerja semula. Selain daripada itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat yang sememangnya ditubuhkan khusus untuk menjaga kebajikan rakyat ada menyediakan pelbagai bantuan, terutama kepada golongan kurang upaya, sakit dan warga tua. Jumlah bantuan am yang disediakan bagi orang miskin termasuk warga tua dan OKU ialah RM95-RM350 sebulan bergantung kepada jumlah tanggungan dan juga pendapatan keluarga berkenaan.

SOALAN:42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

TARIKH : 22 MEI 2008

SOALAN :

Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [Sungai Siput] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan rancangan kontingensi (*contingency plans*) untuk melindungi pekerja-pekerja yang dibuang kerja akibat kegawatan ekonomi memandangkan kemungkinannya kegawatan ekonomi antarabangsa semakin meningkat.

PR-1211-L12531

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sumber Manusia sentiasa prihatin dan memberi perhatian yang serius terhadap isu pemberhentian pekerja. Majikan tidak boleh memberhentikan pekerjaanya dengan sewenang-wenangnya tanpa mematuhi peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Di bawah Akta Kerja 1955, adalah menjadi kewajipan majikan untuk memberi notis kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja dalam tempoh tiga puluh hari (30) sebelum tindakan itu hendak dilaksanakan. Antara pelan kontinjensi yang disediakan dan dilaksanakan oleh Kerajaan bertujuan untuk membantu pekerja yang diberhentikan kerja adalah seperti berikut:

- i. Membantu pekerja yang terlibat mendapatkan bayaran pampasan yang layak diterima oleh mereka mengikut peruntukan undang-undang;

- ii. Membantu pekerja-pekerja yang terlibat mencari dan mendapatkan pekerjaan baru melalui berbagai program yang dilaksanakan seperti Karnival Pekerjaan, pendaftaran setempat dimana majikan yang masih perlukan pekerja hadir menjalankan temuduga dan membuat pengambilan terus dan menyalurkan maklumat pekerja yang diberhentikan kepada majikan yang dikenalpasti masih perlukan pekerja.
- iii. Memberi pendedahan kepada pekerja yang diberhentikan mengenai peluang-peluang keusahawanan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bagi menjalankan perniagaan sendiri dengan bantuan agensi kerajaan berkaitan;
- iv. Menyediakan bantuan kewangan bagi mengikuti latihan untuk meningkatkan kemahiran bagi memperluaskan peluang untuk mendapatkan pekerjaan baru, melalui Skim Latihan Pekerja Yang Dihentikan Kerja di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Kementerian Sumber Manusia. Di antara kursus-kursus yang ditawarkan ialah dalam bidang ICT, pengurusan sumber manusia, perniagaan, pelancongan dan pentadbiran pejabat di peringkat persijilan dan diploma.

Selain daripada itu KSM telahpun menubuhkan Jawatankuasa Penempatan Semula Pekerja Tempatan Yang Diberhentikan yang bertanggungjawab untuk mengkaji dan menimbang langkah-langkah yang sesuai dan berkesan untuk menangani masalah pemberhentian pekerja sekiranya berlaku kowawasan ekonomi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
(KINABATANGAN)
TARIKH : 22 MEI 2008 (KHAMIS)

SOALAN:

Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan :-

- (a) Apakah langkah konsisten Kerajaan dalam mendampingi golongan belia terutama mereka yang telah tamat belajar di universiti dan kesan program yang direncanakan oleh Kerajaan seperti "Belia Benci Dadah" dan lain-lain; dan
- (b) Apakah cadangan Kerajaan untuk membina lebih banyak gelanggang sukan di daerah Kinabatangan.

JAWAPAN

- (a) Program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah banyak memberikan impak atau hasil positif kepada generasi muda khususnya dalam usaha untuk membangunkan semangat patriotisme dan menghindarkan mereka daripada terjebak dengan permasalahan sosial. Melalui kempen "Belia Benci Dadah" ia telah berjaya menyedarkan belia tentang peranan dan tanggungjawab mereka bagi menghindarkan diri daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan pada masa yang sama turut berperanan untuk menggalakkan pengamalan gaya hidup sihat di kalangan rakan-rakan segenerasi.

Melalui Program Jatidiri Kesukarelaan Nasional (PJKN), dapatan kajian menunjukkan bahawa dari aspek kesukarelaan sebelum program dilaksanakan didapati bahawa 34% responden mempunyai tahap kesukarelaan yang rendah dan 66% responden mempunyai tahap kesukarelaan yang tinggi. Namun begitu selepas mengikuti program PJKN berlaku peningkatan sebanyak 19% menjadikan tahap tinggi kepada 85% dan berjaya menurunkan tahap rendah dalam nilai yang sama yang menjadikannya sebanyak 15%.

Selain itu, dari aspek patriotik data menunjukkan bahawa sebelum mengikuti program sebanyak 55% peserta mempunyai semangat patriotik tinggi, manakala 45% mempunyai semangat patriotik di tahap rendah. Ini menunjukkan tahap patriotik di kalangan peserta adalah sederhana. Selepas program PJKN berlaku 22%

pertambahan bagi tahap tinggi semangat patriotik di kalangan peserta menjadi 77% dan penurunan dalam nilai yang sama bagi tahap rendah selepas 23%. Faktor lain yang dikaji seperti perubahan sikap dan pengetahuan serta semangat keusahawanan juga menunjukkan peningkatan selepas peserta mengikuti program ini. Data ini menunjukkan secara jelas bahawa program-program yang direncanakan oleh kerajaan telah menunjukkan impak yang positif dan mendatangkan pulangan dalam bentuk pelaburan sebagaimana yang dihasratkan dalam objektif pelaksanaan setiap program tersebut.

Melalui program Pembangunan Rakan Muda, golongan belia ini dilibatkan dalam program tujuh Gaya Hidup Rakan Muda iaitu Rakan Inovasi, Rakan Cinta Alam, Rakan Masyarakat, Rakan Seni Budaya, Rakan Waja Diri dan Rakan Wirausaha. Selain itu, mereka juga terlibat dengan program Rakan Muda Jiran Muda, Program Sukarelawan Rakan Muda dan Program Rakan Muda Wawasan Desa serta lain-lain program yang diaturkan oleh Penggerak di kawasan Parlimen.

- (b) Kementerian Belia dan Sukan sememangnya bercadang membina kira-kira 1,300 buah gelanggang sukan pelbagai guna di kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri di seluruh negara dalam tempoh RMKe-9 yang akan turut melibatkan Parlimen Kinabatangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA TING
TARIKH : 22 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan anggaran pelaburan dan bilangan syarikat dari dalam dan luar negeri yang sedang merancang untuk melabur di Wilayah Pembangunan Iskandar (IDR), Johor setakat ini, serta jenis insentif yang ditawarkan kepada mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan satu lagi soalan berkaitan dengan Wilayah Pembangunan Iskandar pada 27 Mei 2008 iaitu soalan oleh **Y.B. Puan Tan Ah Eng** dari Gelang Patah.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sehingga kini, **anggaran kemasukan pelaburan secara keseluruhannya** yang berjaya diperolehi oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) ke Wilayah

Pembangunan Iskandar, ataupun sekarang ini dikenali dengan Iskandar Malaysia, sudah mencapai hampir **RM33 billion**. Jumlah ini merupakan 70% daripada sasaran sebanyak RM47 bilion pelaburan yang diperlukan untuk membangunkan Iskandar Malaysia dalam tempoh RMKe-9. Sejak pelancarannya, pada tahun 2006, Iskandar Malaysia telah memperolehi pelaburan sejumlah RM12 billion, di mana, RM6.5 billion (54%) adalah dari peruntukan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) untuk membangunkan infrastruktur di Iskandar Malaysia, manakala bakinya, 46% daripada pelaburan dalam dan luar negara. Pada tahun 2007 pula, Iskandar Malaysia telah memperolehi pelaburan sejumlah RM15.7 billion, iaitu 41% dari sektor pembuatan manakala 59% dari sektor perkhidmatan.

Bagi pelabur-pelabur yang sedang merancang untuk melabur di Iskandar Malaysia pula, anggaran pelaburan dan bilangan syarikat terlibat setakat ini adalah seperti berikut, iaitu bilangan syarikat sebanyak 44 syarikat dengan pelaburan dianggarkan sebanyak RM16 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjadikan Iskandar Malaysia (IM) lebih menarik kepada para pelabur untuk melakukan pelaburan di dalam IM, Kerajaan telah menawarkan insentif kepada para pelabur yang ingin membuat pelaburan di Iskandar Malaysia. Insentif yang diberikan adalah berdasarkan insentif yang telah sedia ada seperti yang ditawarkan oleh MIDA, MITI dan sebagainya.

Selain daripada itu, Kerajaan juga ada memperkenalkan insentif khas khusus sebagai menarik pelabur luar melabur di Iskandar Malaysia iaitu pakej insentif yang ditawarkan dalam **zon-zon tertentu sahaja** di Iskandar Malaysia iaitu dari segi pengecualian daripada cukai dan pengecualian daripada peraturan-peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC). Pakej insentif pertama diumumkan adalah bagi **kawasan Node 1** sahaja di Nusajaya dan hanya tertakluk dalam **enam (6) sektor** yang ditetapkan sahaja iaitu industri kreatif, perkhidmatan pendidikan, konsultansi dan nasihat kewangan, penjagaan kesihatan, logistik dan perkhidmatan berasaskan pelancongan. .

Jenis insentif khas yang diperkenalkan dalam enam sektor yang ditetapkan tersebut adalah seperti berikut:

- a) Pengecualian daripada cukai pendapatan korporat selama 10 tahun - bagi enam sektor yang ditetapkan di dalam zon berkenaan sahaja;
- b) Pengecualian daripada cukai pegangan (*withholding tax*) atas beberapa bayaran selama 10 tahun dari bermulanya operasi - tertakluk kepada operasi tersebut hendaklah bermula sebelum berakhirnya 2015;
- c) Pengecualian daripada peraturan-peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC);
- d) Kebebasan mendapatkan modal atau dana dari serata dunia; dan
- e) Gunatenaga tidak terhad ke atas pekerja asing - tertakluk dalam zon yang diluluskan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak pelancarannya, Iskandar Malaysia sebenarnya telah mencatatkan beberapa kemajuan yang boleh dibanggakan terutamanya pembangunan dalam kawasan Node 1 di Nusajaya. Fasa pertama pelaksanaannya, termasuklah pembinaan infrastruktur utama seperti pusat pentadbiran kerajaan negeri yang baru, lagun marina, plot komersil, dan kawasan kediaman dan rekreasi telah disiapkan. Fasa kedua, yang meliputi pembinaan hab pengangkutan dan terminal feri sedang berjalan.

Selain dari itu, beberapa projek jalan raya untuk mempertingkatkan rangkaian hubungan jalan raya di Iskandar Malaysia juga telah disiapkan seperti persimpangan bertingkat di Skudai dan Jalan Lingkaran Luar manakala beberapa lagi projek infrastruktur sedang dalam pembinaan iaitu persimpangan bertingkat di jalan Johor Bahru/Kota Tinggi/Pasir Gudang serta di Perling, Jalan Yahya Awal-Jalan Abu Bakar dan Lebuhraya Pesisir Pantai (*Coastal Highway*).

SOALAN NO: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
(SEPANGGAR)**

TARIKH : 22 MEI 2008

RUJUKAN : 906

SOALAN :

Y.B. Datuk Enchin Majimbun (Sepanggar) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah bilangan kanak-kanak yang memiliki sijil lahir daftar lewat di Sabah sepanjang 10 tahun kebelakangan ini dan bentuk proses pendaftaran daftar lewat ini dijalankan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran lewat kelahiran negeri Sabah didaftarkan mengikut Ordinan Pendaftaran dan Kematian Saban (*Chapter 123*) iaitu pendaftaran kelahiran yang didaftarkan selepas 42 hari kelahiran kanak-kanak tersebut. Bilangan kanak-kanak yang dilahirkan di negeri Sabah di bawah pendaftaran lewat kelahiran dari tahun 1998 hingga Mac 2008 ialah seramai 51,995 orang.

Proses pendaftaran lewat kelahiran di Sabah bermula daripada penerimaan dan penyemakan borang permohonan dan dokumen-dokumen sokongan. Bagi permohonan yang lengkap, pihak pegawai pendaftaran akan menjalankan temuduga sama ada saksi, penganjur, bidan, ibu bapa atau pemohon itu sendiri jika sekiranya mereka telah berumur 18 tahun atau lebih. Pendaftar Wilayah iaitu Pengarah Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah akan membuat keputusan sama ada permohonan itu diluluskan atau ditolak berdasarkan ulasan dan syor atau laporan daripada pegawai yang menjalankan sesi temuduga.

Bagi permohonan yang diluluskan, sijil kelahiran akan dikeluarkan dan diserahkan kepada pemohon. Di sebaliknya jika permohonan itu ditolak surat pemberitahuan akan dihantar kepada pemohon.

SOALAN NO: 46

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HENRY SUM AGONG (LAWAS)

TARIKH : 22 MEI 2008 (RABU)

SOALAN : TUAN HENRY SUM AGONG (LAWAS)
minta **MENTERI PERTANIAN DAN**
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

a) Sama ada pihak Kementerian mempunyai program untuk membangunkann “estet mini” padi dan getah dan apakah bantuan Kementerian terhadap penubuhannya.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Program Pembangunan Mini Estet Padi yang merupakan salah satu strategi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk meningkatkan pengeluaran padi negara dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK 9). Dalam tempoh RMK 9, kawasan yang di tanam secara mini estet dijangka akan meningkat daripada 28,284 hektar dalam tahun 2006 kepada 35, 724 hektar pada tahun 2010. Adalah dijangkakan melalui program ini pengeluaran hasil padi akan dapat ditingkatkan daripada 4.18 MT/ha kepada 5.1 MT/ha. Peningkatan ini akan dapat memberikan sumbangan kepada usaha untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) dalam pengeluaran beras kepada 80% pada tahun 2010.

Dari segi bantuan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberikan bantuan dalam bentuk dua jenis insentif iaitu Insentif Pengeluaran Padi dan Insentif Peningkatan Hasil sebagai bantuan kepada pembangunan estet padi ini

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]
TARIKH : 22 MEI 2008
SOALAN :

Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah dasar mutakhir tentang rumah-rumah ibadat bukan Islam dan sejauh mana kajian tentang kehendak rakyat untuk rumah ibadat telah dijalankan berikutan kesulitan mereka untuk menjalankan aktiviti peribadatan akibat sekatan dan halangan yang wujud.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan amat prihatin dengan keperluan ibadat penganut bukan Islam dan sentiasa sensitif dalam pelaksanaan Dasar Kebebasan Beragama kepada semua kaum. Kerajaan telah menyediakan peruntukan setiap tahun melalui Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri berjumlah RM1.0 juta bagi pembinaan tokong dan gereja. Y.A.B. Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri turut meluluskan permohonan yang diterima dari semasa ke semasa melibatkan pembangunan fizikal rumah ibadat penganut bukan Islam selain permohonan yang diluluskan di bawah peruntukan Y.B. Menteri, Senator serta Ahli Parlimen. Peruntukan ini disalurkan terus kepada pihak pengurusan rumah ibadat yang berkenaan.

MAKLUMAT TAMBAHAN :

1. Kerajaan melalui Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah melaksana projek-projek pembinaan masjid dan surau

dalam Rancangan Malaysia 5 tahun sebagai pengiktirafan Islam sebagai agama rasmi negara.

2. Kerajaan tidak menyediakan peruntukan bagi aktiviti-aktiviti keagamaan bagi penganut bukan Islam.

No = 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
(PASIR PUTEH)
TARIKH : 22 MEI 2008 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Muhammad bin Husain (Pasir Puteh) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perkembangan mengenai hutang tertunggak MSN kepada beberapa badan sukan yang bernilai lebih RM6 juta. Se jauh mana hasil siasatan dan tindakan Kementerian mengenainya.

JAWAPAN

1. Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara (MSN) sememangnya melaksanakan program-program latihan tahunan bersama-sama persatuan-persatuan sukan kebangsaan dalam menyediakan atlet atau pasukan negara bagi menghadapi kejohanan-kejohanan antarabangsa tertentu. Kerjasama MSN dalam program-program ini ialah komitmen pembiayaan peruntukan kewangan kepada persatuan-persatuan sukan kebangsaan bagi menjayakan aktiviti-aktiviti yang telah dipersetujui bersama di antaranya perancangan aktiviti latihan pusat atlet, penyertaan pertandingan dan latihan luar negara, penyediaan logistik dan kebajikan atlet, jurulatih dan pengurus pasukan, kemudahan infrastruktur dan peralatan latihan dan sebagainya yang dipersetujui bersama.

2. Kebiasaannya, komitmen MSN kepada persatuan-persatuan sukan kebangsaan ini lahir dari kelulusan agensi pusat tentang peruntukan pembiayaan program-program latihan atlet-atlet negara dan dakwaan mengatakan MSN berhutang dengan persatuan-persatuan sukan tersebut adalah kurang tepat. Apa yang jelas di sini ialah MSN terpaksa melewatkan pembayaran beberapa aktiviti yang telah menggunakan peruntukan persatuan itu kerana beberapa perkara seperti laporan pelaksanaan aktiviti yang belum siap, kekurangan maklumat dan dokumen-dokumen sokongan dalam laporan tuntutan yang dikemukakan dan pelbagai masalah teknikal yang lain. Dalam masa yang sama, peruntukan kewangan dari agensi pusat turut mengalami sedikit kelewatan, maka MSN terpaksa mendahulukan pembayaran-pembayaran yang penting dan melewatkan sedikit pembayaran-pembayaran yang kurang penting. Namun begitu, MSN sentiasa memastikan program latihan dan aktiviti atlet-atlet Negara tidak terjejas dengan tindakan tersebut.

3. Walau bagaimanapun, sehingga kini hampir kesemua pembayaran tertangguh tersebut telahpun dijelaskan dan isu ini tidak sepatutnya menjadi isu besar sekiranya semua pihak memahami dan bekerjasama dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Kementerian Belia dan Sukan melalui MSN akan sentiasa memastikan program-program latihan atlet yang berlatih dan berjuang demi maruah negara akan sentiasa menjadi keutamaan Kementerian dan MSN khususnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
 DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM
 BIN OSMAN (LIPIS)
 TARIKH : 22 MEI 2008 (KHAMIS)

SOALAN:

Dato' Dr. Mohamad Shahrums bin Osman (Lipis) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana semangat cintakan negara di kalangan belia perlu disuburkan oleh pihak Kementerian bagi melahirkan masyarakat yang lebih bertanggungjawab.

JAWAPAN

1. Kementerian Belia dan Sukan sememangnya telah merancang dan melaksanakan pelbagai program cintakan negara untuk membentuk generasi belia yang merupakan aset utama negara. Kementerian memang peka terhadap belia-belia yang bermasalah dan telah berusaha mengelakkan mereka daripada lari dari landasan atau hasrat murni Kerajaan.
2. Antara strategi yang telah dijalankan oleh kerajaan untuk mencapai cita-cita murni tersebut ialah:
 - i. Melaksanakan Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional (PJKN) untuk belia-belia lepasan SPM. Program ini menekankan aspek Pembangunan Diri Remaja di samping memupuk semangat cintakan Negara dan Patriotisme serta menyemai dan

mempersiapkan diri remaja dengan nilai-nilai kemasyarakatan. Di samping itu juga generasi muda ini di dedah dengan 3K iaitu Kemahiran, Kepimpinan dan Keusahawanan agar mereka berupaya menjadi Modal Insan Negara yang kompeten dan berdaya saing selaras dengan keperluan tenaga kerja masa kini dan masa hadapan.

- ii. Melaksana Program Kursus Pembangunan Kepimpinan di pelbagai peringkat yang bertujuan melatih para belia serta memberi pengetahuan dan kefahaman tentang persatuan, menarik minat untuk berpersatuan, mempelajari aspek kepimpinan dan pengurusan persatuan serta memberi keyakinan dan kemahiran kepimpinan bagi mempersiapkan belia sebagai pemimpin pelapis yang akan mengambil alih tampuk kepimpinan sedia ada.
- iii. Melaksanakan Program Y2Y bagi menyedia seramai mungkin pemimpin belia yang nanti mampu menggerakkan pelbagai aktiviti belia di komuniti masing-masing.
- iv. Memperbanyakkan program latihan jati diri seperti Program Memperkasa Tenaga Muda (PMTM) atau Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional (PJKN) dan Program Jati Diri Malaysia seperti Y2Y Parlimen dan Y2Y DUN untuk memperkukuh jati diri para belia.
- v. Mempertingkatkan program lawatan patriotisme melalui program kepimpinan Majlis Belia Daerah untuk memperkuatkan semangat cintakan Negara.

- vi. Memberi pendedahan terhadap peluang keusahawanan kepada bekas penagih melalui program PMTM Modul Keusahawanan untuk memahamkan mereka tentang peluang kerjaya dalam bidang keusahawanan dan meyakinkan mereka peluang hidup masa depan.

NO. SOALAN: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB

TARIKH : 22 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah rancangan Kerajaan untuk memastikan penyertaan aktif ekonomi Bumiputera di dalam Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, sejajar dengan pendekatan holistik dalam merancang pembangunan koridor Iskandar Malaysia, pelbagai inisiatif untuk menangani isu-isu sosial terutamanya yang melibatkan kepentingan penduduk tempatan khususnya penyertaan Bumiputera juga telah dikenalpasti. Dalam hal ini, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) yang ditubuhkan bagi memantau pembangunan dan mempromosi pelaburan di Iskandar Malaysia, telah merancang beberapa program, khususnya untuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (BCIC), yang bertujuan memberi peluang

kepada Bumiputera untuk mengambil bahagian secara langsung dan aktif di dalam pembangunan Iskandar Malaysia.

Oleh yang sedemikian, antara **tindakan awal** untuk menangani perkara ini ialah dengan **membangunkan Senarai Induk Kontraktor Bumiputera** atau dengan izin, *Bumiputera Contractor Master List*, sebagai satu strategi penting bagi menyokong ekonomi Bumiputera yang mampan. Matlamat program ini adalah untuk mengurung dan seterusnya menghapuskan ketidakseimbangan penglibatan Bumiputera dan ini juga merupakan suatu mekanisme untuk memudahkan penubuhan usaha sama perniagaan Bumiputera yang cekap dengan pelabur-pelabur berpotensi baru dan yang sedia ada di Iskandar Malaysia. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mempertingkatkan pertalian kelompok antara perbadanan sektor awam dan swasta utama serta institusi penyelidikan dengan syarikat milik Bumiputera terutamanya Perniagaan Kecil dan Sederhana (SME). Inisiatif pembangunan Senarai Induk Kontraktor Bumiputera ini dijangka akan siap pada penghujung tahun ini.

Selain daripada usaha di atas, banyak lagi **program-program pembangunan sosial lain** untuk Bumiputera sedang dirancang dan akan dijalankan secara berperingkat-peringkat, iaitu seperti berikut:

- Mengenalpasti peluang untuk rangkaian bekalan bagi Bumiputera (*Identification of Opportunities for Bumiputerans Along Supply Chain*);
- Perletakan Bumiputera ke dalam lot baru peruncitan strategik (*Placement of Bumiputerans in New Strategic Retail Lots*);

- Program pembangunan francais (*Franchise Development Programme*);
- Pembiayaan pusat sehenti (*Funding for One-Stop Centre*),
- Program zon penglibatan Bumiputera (*Bumi "Zone Participation" Programme*);
- Rangkaian hubungan tempatan dan antarabangsa (*International and Local Networking*); dan
- Perhubungan perindustrian dan program penempatan (*Industry Linkages and Attachment Programme*).

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh IRDA, Kerajaan juga sentiasa berusaha dari masa ke semasa menjaga kepentingan Bumiputera misalnya menerusi usaha yang sedang diambil oleh **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD)**. MECD sedang mengambil tindakan konstruktif untuk merangka satu **Pelan Tindakan Koridor** bagi membantu penglibatan dan mengenal pasti golongan usahawan Bumiputera yang berdaya tahan dan berdaya saing untuk terlibat dalam pembangunan di semua koridor, dengan harapan masyarakat Bumiputera tidak akan tertinggal oleh arus pembangunan mega yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan pelan pembangunan Iskandar Malaysia ini, dan juga koridor-koridor yang lain, sebenarnya dirangka dengan mengambilkira juga

kepentingan semua kaum di Malaysia, bukan sahaja Bumiputera. Mengikut Pelan Induk yang dirangka bagi Iskandar Malaysia, antara lima (5) tiang strategik utama yang ditetapkan untuk Iskandar Malaysia, salah satu daripadanya ialah untuk memastikan ekuiti sosioekonomi dan penerimaan penduduk tempatan terhadap rancangan pembangunan Iskandar Malaysia ini. Oleh itu, kepentingan kaum termasuklah Bumiputera dalam kawasan Iskandar Malaysia ini sudahpun diambilkira dalam rangka rancangan Iskandar Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

TARIKH : 22.5.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING) minta Menteri Pelajaran menyatakan bila Kerajaan akan membaik pulih bangunan bilik darjah SMK Bandar Kuching No.1 yang telah musnah akibat kebakaran pada Mei, 2007.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil tindakan segera terhadap bangunan bilik darjah SMK Bandar Kuching No.1 yang terbakar akibat kebakaran pada Mei 2007. Pihak KPM telah membina 1 blok bangunan sementara yang mengandungi 6 bilik darjah bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat diteruskan seperti biasa. Bangunan tersebut telah siap dibina pada awal bulan Ogos 2007, dan telah digunakan oleh pihak sekolah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN CHONG ENG
TARIKH : 22 MEI 2008 (KHAMIS)

SOALAN

Y.B. Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta. Perdana Menteri menyatakan dasar perhubungan Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional dengan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat, khususnya dalam aspek pemberian peruntukan dan pelaksanaan projek-projek infrastruktur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada dasarnya, Kerajaan Persekutuan tidak akan meminggirkan mana-mana negeri dalam mencapai matlamat pembangunan negara. Walau bagaimanapun, terdapat berbagai-bagai faktor yang perlu diambil kira dalam merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan di setiap negeri termasuk kedudukan kewangan Kerajaan dan kepentingan projek tersebut kepada rakyat dan negara. Setiap projek yang dilaksanakan perlu memberi manfaat secara menyeluruh kepada semua golongan rakyat. Sehubungan itu, keutamaan akan diberikan kepada projek-projek yang bersifat "mesra rakyat".

Dalam memberi peruntukan dan melaksana projek, keutamaan akan diberi kepada projek-projek yang bertujuan membasmi kemiskinan, penyediaan kemudahan asas kepada penduduk seperti jalan kampung, bekalan air, elektrik, kemudahan kesihatan, pendidikan, perumahan awam kos rendah dan keselamatan awam walaupun di negeri-negeri yang tidak ditadbir oleh Barisan Nasional.

Projek-projek yang mempunyai kepentingan nasional yang membantu kepada peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar seperti pembangunan pelancongan, pembinaan institusi pengajian tinggi, pembangunan pelabuhan dan lapangan terbang juga akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Walau bagaimanapun, kebanyakan projek yang dirancang memerlukan tanah sebagai tapak projek dan kelulusan perancangan daripada pihak berkuasa tempatan yang mana kedua-dua perkara ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, dalam memastikan projek-projek yang dirancang dan yang telah diberi peruntukan dapat dilaksanakan dengan lancar, Kerajaan Persekutuan memerlukan kerjasama daripada semua Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan pemberian kelulusan terhadap permohonan tanah serta pelan pembangunan oleh agensi Kerajaan Persekutuan.

Ini adalah penting kerana kelewatan mendapat kelulusan tapak dan kelulusan merancang daripada Kerajaan Negeri akan menyebabkan pelaksanaan projek tergendala. Kelewatan tersebut juga boleh menyebabkan kos projek meningkat kerana harga bahan binaan seperti simen, besi dan keluli serta bahan-bahan lain kian meningkat dari semasa ke semasa. Peningkatan kos projek tersebut akan mengakibatkan

peruntukan yang disediakan pada asalnya tidak mencukupi dan ini akan membebankan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Soalan No: 53

**PEMBERITUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING (TAIPING)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 22.05.2008

Tuan Nga Kor Ming (Taiping) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan Malaysia adalah pengeksport minyak, apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan jumlah harga petrol tidak naik dan apakah jumlah subsidi yang dibelanjakan untuk membiayai kos harga petrol dari 2000 hingga 2007.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan ke atas petrol, diesel dan gas memasak (LPG) dari tahun 2000 sehingga 2007 adalah sebanyak RM37.4 bilion di mana jumlah ini tidak termasuk kehilangan hasil cukai sebanyak RM48.8 bilion. Bagi tahun 2006, jumlah subsidi bagi petrol, diesel dan LPG adalah sebanyak RM7.3 bilion, manakala bagi tahun 2007 pula adalah sebanyak RM8.7 bilion dan unjuran bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM18.31 bilion.

Seperti mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sedang mengkaji mekanisme pemberian subsidi produk petroleum bertujuan untuk memastikan golongan yang berhak sahaja menikmati subsidi.

NO: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ABU BAKAR BIN TAIB
(LANGKAWI)
TARIKH : 22 MEI 2008 (KHAMIS)

SOALAN:

Datuk Abu Bakar bin Taib (Langkawi) minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan :-

- (a) Sejak 5 tahun kebelakangan ini, berapa banyakkah kemudahan riadah seperti padang bola sepak, sepak takraw dan lain-lain disediakan di kampung atau mukim; dan
- (b) Tidakkah Kementerian bercadang mengadakan peruntukan (contohnya RM100 juta) tiap-tiap tahun untuk membeli ambil tanah dan tidak hanya berharap kepada tanah Kerajaan negeri sahaja.

JAWAPAN

- (a) Kemudahan / prasarana sukan yang telah dan akan dibina oleh Kementerian Belia dan Sukan adalah seperti berikut:

i. Telah Siap

Kompleks Rakan Muda Daerah – 12 buah

Kompleks Sukan Kompleks Belia dan Sukan Negeri – 16 buah

Gelanggang Sukan Pelbagai Guna – 60 buah

ii. **Dalam pembinaan**

Kompleks Sukan Komuniti – 7 buah

KRMD Sukan Air dan Udara – 2 buah

iii. **Dalam Perancangan**

Gelanggang Sukan Pelbagai Guna 1300 buah (bagi seluruh negara)

- (b) Pihak Kementerian Belia dan Sukan sememangnya mempunyai peruntukan bagi urusan pengambilan tanah daripada Kerajaan negeri. Dalam RMKe-9, sejumlah RM30 juta telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut dan peruntukan bagi pengambilan tanah akan terus dipohon dalam RMKe-10.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 22.05.2008

SOALAN: TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah keuntungan yang telah diperolehi oleh Felda Plantations bagi tahun 2005-2007.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Felda Plantations Sdn Bhd (FPSB) telah ditubuhkan pada 13 Januari 1992 untuk menguruskan ladang Felda seluruh negara. Modal berbayar FPSB adalah RM30 juta, 51 peratus dipegang oleh Felda Holdings Bhd, manakala 49 peratus dipegang oleh Felda. Kegiatan utama FPSB ialah mengadakan perkhidmatan pengurusan ladang iaitu sebagai agen menguruskan ladang Felda tanpa peneroka setelah Kerajaan memutuskan tiada lagi pengambilan peneroka baru di tanah rancangan. Buat masa ini FPSB menguruskan 156 buah ladang Felda dengan seluas 348,009 hektar. Pendapatan FPSB bagi tahun 2005 ialah RM60.36 juta, bagi tahun 2006 ialah RM60.60 juta dan RM78.96 juta. Manakala keuntungan sebelum cukai yang diperolehi oleh FPSB bagi tahun 2005 adalah berjumlah

RM82.29 juta, bagi tahun 2006 berjumlah RM77.17 juta dan tahun 2007
RM189.21 juta

Sumber utama pendapatan FPSB adalah diperolehi melalui bayaran levi pengurusan mengikut kadar RM100 sehektar setahun manakala selebihnya ialah perkongsian 3.5% keuntungan dari ladang FELDA. Butir-butir pendapatan daripada levi pengurusan adalah berjumlah RM104.69 juta manakala perkongsian keuntungan adalah RM95.45 juta bagi tahun 2005 hingga 2007.

-----XXX-----

NW = 56

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB Dr. Che Rosli Che Mat
(Hulu Langat)
TARIKH : 22 MEI 2008
SOALAN : 56

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengenai penguatkuasaan Lesen Radas Penyinaran yang dikeluarkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom kepada syarikat swasta. Berapa banyak Radas Penyinaran yang dilesenkan sepanjang 2007. Sejauh mana pemantauan dibuat bagi memastikan keselamatan pekerja sinaran di syarikat-syarikat berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman ahli-ahli yang berhormat, bilangan radas penyinaran yang dilesenkan sepanjang tahun 2007 adalah 253.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sentiasa melakukan pemantauan berterusan ke atas pemegang lesen bagi memastikan keselamatan pekerja sinaran di syarikat-syarikat berkenaan.

Di antara langkah-langkah pemantauan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. melakukan pemeriksaan berkala ke atas premis pemegang lesen termasuk rekod pekerja sinaran sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh satu (1) tahun;
2. melakukan pemeriksaan mengejut ke atas premis pemegang lesen termasuk rekod pekerja sinaran sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) tahun;
3. memastikan pekerja sinaran menjalani latihan berterusan bagi meningkatkan pengetahuan dan kecekapan mereka dalam aspek keselamatan sinaran;
4. memastikan pemegang lesen menyediakan peranti keselamatan untuk digunakan oleh pekerja sinaran seperti peralatan pengesanan dan peralatan pengawasan kawasan; dan
5. memastikan pemegang lesen melaksanakan pemeriksaan perubahan ke atas pekerja sinaran selaras dengan kehendak Akta Perlesenan Tenaga Atom, 1984 (Akta 304).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ISMAIL BIN ABD. MUTALIB
[MARAN]
TARIKH : 22 MEI 2008
SOALAN :

Dato' Ismail Bin Abd. Mutalib [Maran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jenis penyakit-penyakit utama yang membawa kematian di negara ini serta jumlah kematian dalam tempoh 5 tahun yang lalu dan berapakah jumlah kematian akibat HIV dan AIDS dalam tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat yang terdapat di Kementerian Kesihatan adalah kematian yang berlaku di hospital Kerajaan sahaja. Sepanjang tahun 2001 hingga 2006, penyakit jantung merupakan pembunuh utama yang dilaporkan di hospital Kerajaan dengan jumlah kematian sebanyak 5,319 bagi tahun 2001; 5,210 bagi tahun 2002; 5,239 bagi tahun 2003; 5,544 bagi tahun 2004; 5,667 bagi tahun 2005 dan 6,372 bagi tahun 2006.

Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan untuk mengawal penyakit tersebut adalah:

- i. Kempen Cara Hidup Sihat yang bermula dari tahun 1991 yang memberikan penekanan kepada aspek-aspek pemakanan sihat, hidup cergas dan aktif, tidak merokok serta tidak atau kurangkan meminum alkohol;
- ii. pemeriksaan saringan faktor risiko bagi penyakit jantung seperti tahap gula dalam darah, tekanan darah, tahap kolestrol dalam darah, kegemukan dan merokok yang dilaksanakan di klinik-klinik kesihatan;
- iii. kem-kem kesihatan yang menggalakkan orang awam menjalani pemeriksaan saringan kesihatan di samping meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap penjagaan kesihatan diri; dan
- iv. rawatan penyakit dan pemulihan komplikasi di klinik kesihatan dan hospital Kerajaan secara percuma.

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang 5 tahun yang lalu, sejumlah 4,904 kematian kes *AIDS* telah dilaporkan di seluruh negara. Pada tahun 2003, sejumlah 700 kematian telah dicatatkan iaitu sebanyak 1.3 peratus daripada jumlah pengidap *HIV* yang masih hidup pada tahun tersebut. Pada tahun 2004, sejumlah 1.8 peratus dicatatkan atau 1,065 kematian, tahun 2005 sebanyak 1.6 peratus atau 984 kematian, tahun 2006 kadar

kematian adalah sebanyak 1.4 peratus atau 976 kematian dan bagi tahun 2007 kadar kematian kekal sebanyak 1.6 peratus atau 1,179 kematian. Secara purata, kematian *AIDS* menyumbang kepada dua hingga tiga kes sehari di negara kita. Tren ini menunjukkan kadar kematian adalah stabil semenjak tahun 2005 hingga tahun 2007 di mana ianya tidak melebihi dua peratus. Walau bagaimanapun, jika dianalisa daripada tahun 1995, kadar kematian adalah semakin menurun dan stabil. Pemberian rawatan ubat Anti-Retroviral mulai tahun 2003 oleh Kerajaan turut memainkan peranan dalam mengurangkan kadar kematian ini.

AIDS adalah merupakan peringkat akhir jangkitan *HIV* yang akan menyebabkan kematian. Kebanyakan kes *AIDS* yang meninggal dunia terdiri daripada kes-kes yang telah dijangkiti *HIV* pada puratanya melebihi 10 hingga 15 tahun. Ini disebabkan sehingga kini tiada rawatan bagi menyembuhkan jangkitan *HIV*. Sehubungan itu, langkah terbaik bagi setiap individu ialah mereka harus mengamalkan gaya hidup sihat bagi menghindari dari dijangkiti *HIV*.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN MOHAMED
[PULAI]

TARIKH : 22 MEI 2008

SOALAN : Y.B. DATUK NUR JAZLAN MOHAMED
[PULAI] minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

Adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan sekatan kepada eksport makanan keperluan asas seperti minyak masak atau beras untuk menjamin keselamatan bekalan makanan asas tersebut.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2007, nilai eksport negara adalah sebanyak RM13.8 bilion meningkat sebanyak 21.1 peratus berbanding RM11.4 bilion pada tahun 2006. Komoditi utama yang menyumbang kepada eksport bahan makanan pada tahun 2007 adalah kopi, koko, teh dan rempah bernilai RM3.3 bilion, produk perikanan RM2.6 bilion, bahan makan lain RM2.7 bilion, hasil tenusu dan telur burung bernilai RM1.1 bilion, bijirin dan sediaan bijirin bernilai RM1 bilion, sayur-sayuran bernilai RM 0.52 bilion dan daging dan sediaan daging bernilai RM0.11 bilion.

Manakala, eksport bahan makanan asas seperti beras berjumlah RM0.4 juta pada tahun 2007 berbanding sebanyak RM4.3 juta pada tahun 2006 iaitu pengurangan eksport sebanyak 90.7 peratus. 86.5 peratus daripada eksport beras adalah terdiri daripada beras hancur.

Kerajaan pada masa ini tidak mengenakan sebarang sekatan eksport bagi bahan makanan asas seperti beras memandangkan pengeksportan beras menunjukkan trend penurunan yang ketara dari tahun ke tahun. Pengeksport beras bagaimanapun perlu mendapatkan permit eksport terlebih dahulu daripada Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi memastikan bekalan makanan khususnya beras mencukupi bagi kegunaan dalam negara, Dasar Jaminan Makanan Negara telah digubal untuk dilaksanakan pada tahun 2008 merangkumi langkah jangka masa pendek yang akan dilakukan dengan serta merta pada tahun ini dan juga langkah jangka masa sederhana iaitu pelaksanaan sehingga tahun 2010. Pada tahun 2008, sebanyak RM803 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan program-program peningkatan produktiviti padi merangkumi penyelenggaraan dan penaiktarafan infrastruktur, pengurusan sawah secara optimum termasuk dalam kawalan perosak, penggunaan baja dan input serta meningkatkan mekanisasi ladang. Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1,005 juta bagi mewujudkan stok penimbal beras agar jumlah stok beras ditingkatkan untuk bekalan selama 3 bulan di samping menambah insentif dan subsidi kepada pengusaha-pengusaha pertanian bagi menampung sebahagian dari peningkatan kos yang dihadapi oleh para pengusaha pertanian.

Di samping itu, pengeluaran dan produktiviti sayur-sayuran, buah-buahan, daging lembu dan kambing serta akuakultur yang melibatkan program-program seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan Zon Industri Akuakultur akan dipergiatkan. Pembangunan hatcheri benih udang/ikan serta perolehan baka lembu dan kambing akan meningkatkan pengeluaran ikan dan daging bagi menampung keperluan negara. Pewujudan pusat pengumpulan dan pengagihan

hasil pertanian oleh FAMA akan dapat membantu petani untuk mengakses pasaran dengan lebih mudah. Pengurusan tanah terbiar akan diteruskan dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran beras dan tanaman makanan lain manakala Program Bumi Hijau yang digiatkan meliputi kawasan bandar dan desa akan berupaya membantu menampung keperluan keluarga.

Ms: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Tuan Haji Hamim Samuri (Ledang)

TARIKH : 22 MEI 2008

SOALAN : **YB Tuan Haji Hamim Samuri (Ledang)** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan Malaysia seterusnya dalam OIC setelah Malaysia tidak lagi menjadi Pengerusi dan bagaimana pula untuk mengekalkan imej Malaysia dalam OIC.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Ledang atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya ingin menyatakan bahawa Malaysia akan terus memainkan peranan aktif untuk memperkasakan Ummah melalui OIC walaupun telah tamat tempoh menjadi Pengerusi OIC. Pendekatan kreatif dan proaktif Malaysia selama mempengerusikan OIC telah mendapat penghormatan dan sanjungan daripada negara-negara anggota. Penekanan Malaysia agar OIC memberi tumpuan kepada aspek ekonomi telah mendapat reaksi positif daripada negara-negara anggota OIC.

3. Sebagai contohnya, Program Bina Upaya yang dikemukakan oleh Malaysia akan berfungsi sebagai pelan tindakan kepada negara-negara OIC bagi menghadapi cabaran-cabaran Ummah pada masa hadapan. Program Bina Upaya bagi Negara-negara OIC telah diiktiraf sebagai inisiatif untuk membasmi kemiskinan bagi negara-negara sasaran dalam OIC. Berdasarkan jangkaan keberkesanan program ini, ianya dijangka akan menjadi salah satu ciri-ciri penting OIC dalam usahanya memperkasakan Ummah.

4. Selain itu, Malaysia juga akan terus berusaha untuk mewujudkan piawai halal bagi pemakanan dan perkhidmatan di

kalangan negara-negara anggota dan masyarakat antarabangsa. Ini akan dapat meningkatkan perdagangan di kalangan negara-negara anggota dan secara langsung ekonomi umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dari aspek politik pula, Malaysia juga akan terus bekerjasama dengan semua pihak yang terlibat untuk mencari penyelesaian kepada konflik Israel-Palestin. Pada masa yang sama, Malaysia berpegang teguh kepada prinsip diplomasi pelbagai hala mengikut lunas-lunas yang telah digariskan oleh undang-undang antarabangsa dan pelaksanaan Pelan Damai yang telah dipersetujui oleh masyarakat antarabangsa dalam mencari penyelesaian kepada konflik Israel-Palestin dan lain-lain konflik yang dihadapi oleh negara-negara anggota OIC.

6. Malaysia juga akan terus memainkan peranan aktif dalam kapasitinya sebagai negara anggota OIC untuk memastikan pertubuhan itu akan terus relevan bagi kesejahteraan Ummah. Sambutan baik yang diterima daripada negara-negara anggota OIC terhadap pelbagai usaha Malaysia untuk memartabatkan OIC adalah kayu pengukur kejayaan Malaysia sebagai Pengerusi OIC.

7. Isu penghinaan Islam termasuklah ke atas Nābi Mohamad s.a.w. dan masyarakat Islam seolah-olah dijadikan satu agenda yang sengaja diketengahkan oleh segelintir pihak sejak beberapa tahun kebelakangan ini untuk kepentingan diri sendiri. Kini, umat Islam

sedunia dikejutkan pula dengan penghinaan terhadap Al-Quran melalui penerbitan dokumentari 'Fitna' yang disiarkan melalui internet pada 27 Mac 2008. Dalam hal ini, Malaysia dan juga Sekretariat OIC sama-sama telah mengeluarkan kenyataan mengecam tindakan Penerbit filem tersebut.

8. Keberkesanan dan kejayaan OIC pada masa hadapan juga banyak bergantung kepada keberkesanan pelaksanaan pelbagai pelan tindakan yang telah digariskannya. Keutamaan perlu diberikan kepada pelaksanaan "Pelan Tindakan 10 Tahun OIC Bagi Menangani Cabaran yang dihadapi Ummah Dalam Abad ke-21" sebagaimana yang telah dipersetujui oleh semua negara-negara anggota OIC.

SOALAN NO. 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
KAWASAN : SEPUTEH
TARIKH : 22.05.2008 (KHAMIS)

SOALAN:

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sama ada Kementerian akan melaksanakan sistem tender terbuka dalam permohonan permit import kenderaan mewah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di pertua,

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan kaedah lelongan atau tender terbuka Permit Import (AP) kenderaan. Ini adalah kerana antara matlamat pemberian AP adalah bertujuan untuk menggalakkan dan memberi peluang kepada usahawan Bumiputera bergiat dalam sektor automotif tempatan. Sekiranya kaedah lelongan atau tender terbuka dilaksanakan, hanya sebilangan kecil usahawan

Bumilputera yang mampu membida harga lelongan tertinggi. Ini akan menjelaskan peluang pemegang AP sedia ada untuk meneruskan perniagaan dan menjelaskan pelaburan sedia ada seperti bilik pameran dan tenaga kerja.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]
TARIKH : 22 MEI 2008
RUJUKAN : 908

SOALAN :

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan jumlah laporan-laporan berkait dengan pembunuhan peguam-peguam dalam jangka masa 5 tahun yang lepas. Berapakah jumlah kes pembunuhan ini yang diselesaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Gelugor yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes pembunuhan yang melibatkan peguam merupakan kes terpencil yang mana ia masih lagi tidak di tahap yang membimbangkan. Mengikut statistik dari tahun 2004 hingga Mac 2008, terdapat 4 kes pembunuhan yang melibatkan peguam.

Tahun 2005 berlaku sebanyak 2 kes iaitu di Selangor dan Sarawak; tahun 2006 sebanyak 1 kes di Kedah; dan tahun 2007 sebanyak 1 kes di Pulau Pinang. Untuk tempoh hingga Mac 2008, tiada sebarang kes yang direkodkan bagi kes pembunuhan yang melibatkan peguam.

Daripada 4 kes tersebut, 2 kes pembunuhan yang berlaku di Kedah dan Selangor telah berjaya diselesaikan. Sementara 2 kes lagi yang berlaku di Sarawak dan Pulau Pinang masih lagi dalam siasatan polis.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AZAN BIN ISMAIL

TARIKH : 22 MEI 2008

SOALAN

YB Tuan Azan bin Ismail minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah proses pensijilan halal yang dikeluarkan dan dikendalikan oleh JAKIM atau mana-mana badan yang telah dilantik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini permohonan untuk mendapatkan pengesahan halal dibuat secara sukarela. Pemohon yang ingin mendapat pengesahan halal yang diuruskan oleh Bahagian Hub Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang kini diletak di bawah Halal Industrial Development Corporation (HDC) hendaklah mengemukakan permohonan secara *on line* (dengan izin) dan disusuli dengan dokumen-dokumen sokongan seperti lesen premis perniagaan, sijil pengesahan halal bagi bahan-bahan ramuan yang digunakan dan salinan kad pengenalan pekerja Islam.

Semua permohonan akan diteliti dan sekiranya permohonan tersebut didapati boleh diberi pengesahan halal maka pemohon akan dikenakan caj yuran mengikut kadar yang telah ditetapkan. Setelah kadar caj yuran dijelaskan, sekurang-kurangnya dua orang pegawai yang terdiri dari seorang Pegawai Syariah dan seorang Pegawai Teknikal (Ahli Teknologi Makanan) akan membuat pemeriksaan di premis berkenaan dan menyediakan laporan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Panel Pengesahan Halal. Hanya permohonan yang didapati memenuhi

plawalan halal yang ditetapkan di bawah MS 1500:2004 akan diberi keputusan. Pemohon yang berjaya akan diberi taklimat semasa penyerahan sijil halal supaya mereka sentiasa mematuhi syarat-syarat pensijilan yang ditetapkan. Selepas itu proses pemantauan akan dijalankan tanpa memaklumkan kepada pemilik premis/pemegang sijil halal. Sijil halal boleh ditarik balik sekiranya pemegangnya didapati telah melanggar syarat-syarat pensijilan yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y. B. DATUK HALIMAH BT MOHD SADIQUE
(TENGARA)
TARIKH : 22 MEI 2008 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. DATUK HALIMAH BT MOHD SADIQUE (TENGARA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perkembangan Rang Undang-Undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam setelah diluluskan oleh Parlimen pada 4hb Julai 2007.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah diwartakan sebagai sebuah Akta pada 30 Ogos 2007. Bagi membolehkan Akta Pengurusan Sisa pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dikuatkuasakan beberapa peraturan perlu diwujudkan. Dalam hal ini, Akta berkenaan telah memperuntukkan bahawa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh membuat peraturan-peraturan yang memberi manfaat atau perlu bagi perjalanan lebih baik peruntukan Akta tersebut. Sehingga kini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengenal pasti sebanyak 27 buah peraturan yang perlu disediakan dan peraturan-peraturan ini akan disediakan secara berperingkat dan dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2010.

Bagi membolehkan Akta ini dikuatkuasakan dengan segera, sebanyak 6 draf peraturan telah siap digubal dan akan diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk disemak. Peraturan-peraturan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Larangan Membuang Sisa Pepejal) 2008;
- ii. Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Kesalahan yang Di kompaun) 2008;
- iii. Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal Yang Ditetapkan) 2008
- iv. Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim untuk Sisa Pepejal Isi Rumah dan Sisa Pepejal yang Serupa) 2008;
- v. Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Melesenkan Pengutip Sisa Pepejal dari Isi Rumah dan Sisa Pepejal yang Serupa) 2008
- vi. Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal Yang Ditetapkan) 2008

Di samping peraturan-peraturan berkenaan, KPKT adalah dalam peringkat terakhir untuk memuktamadkan Perjanjian Konsesi yang lengkap dengan petunjuk prestasi utama (KPI) bagi mengukur mutu perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat-syarikat konsesi kelak. Perjanjian konsesi ini akan membolehkan penswastaaan penuh dilaksanakan sebaik sahaja Akta berkenaan berkuatkuasa.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN

TARIKH : 22 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelaburan asing dan dalam negeri yang telah melabur di Koridor Pantai Timur dan nyatakan jumlah tersebut mengikut negeri-negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli yang Berhormat, seperti mana koridor-koridor pembangunan yang lain, projek pembangunan ECER ini sebahagian besarnya juga akan dilaksanakan oleh pelaburan daripada sektor swasta manakala Kerajaan pula akan membantu pelaksanaan pembangunan Koridor ini dengan menyediakan kemudahan prasarana dan infrastruktur sewajarnya bagi membantu perkembangan dan pertumbuhan koridor ini.

Dari segi jumlah pelaburan asing atau dalam negeri yang melabur di Koridor Pantai Timur, setakat ini, belum ada pelaburan yang dibuat secara rasmi di Koridor Pantai Timur. Ini kerana Akta ECERDC baharu sahaja diwartakan pada 25 Februari 2008 dan masih belum dikuatkuasakan lagi. Oleh yang demikian, pihak berkuasa koridor pantai timur iaitu ECERDC masih tidak boleh membuat sebarang perjanjian pelaburan dengan bakal-bakal pelabur. Pihak ECERDC boleh dikatakan masih belum boleh beroperasi sepenuhnya memandangkan ia **tidak mempunyai kuasa melakukan apa-apa transaksi atau perjanjian** dengan mana-mana pihak yang ingin melaksanakan projek ataupun melabur di ECER. Oleh itu, tiada jumlah pelaburan rasmi boleh diumumkan pada ketika ini bagi Koridor Pantai Timur. Keadaan ini berbeza dengan wilayah Iskandar Malaysia kerana ianya telah lama dikuatkuasakan iaitu pada 17 Februari 2007 maka pihak berkuasa koridor Iskandar Malaysia sudah boleh membuat perjanjian dengan mana-mana pelabur untuk melabur di Iskandar Malaysia. Inilah juga merupakan salah satu sebab atau faktor mengapa banyak program dan projek di ECER masih lagi belum dimulakan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, sebagai langkah awal, pihak ECERDC telah memulakan beberapa usaha seperti membuat kajian-kajian awal dan perundingan dengan pihak-pihak tertentu sebagai persediaan melaksanakan program dan projek ECER tersebut. Di samping itu, ECERDC juga sedang menumpukan kepada usaha-usaha dalam mempromosi dan berada di peringkat awal perbincangan dengan bakal pelabur yang berminat untuk melabur di ECER.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
(SUBANG)
TARIKH : 22 MEI 2008 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH (SUBANG) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-

- a) apa sebabnya sering dikeluarkan iklan-iklan oleh pemaju-pemaju yang mengatakan bahawa bayaran kepada peguam akan dibuat oleh pemaju dengan syarat pembeli menggunakan peguam yang dilantik oleh pemaju; dan
- b) apakah iklan-iklan yang mengelirukan ini dibenarkan oleh Pengawal Perumahan (Controller of Housing) dan, sekiranya tidak, adakah pemaju yang didakwa di bawah Peraturan 5(3), Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Pengawal dan Perlesenan)1989.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menjawab soalan bahagian (a),

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembeli rumah mempunyai kebebasan di bawah undang-undang untuk melantik peguam iaitu bukan peguam pemaju perumahan bagi maksud penyempurnaan perjanjian jual dan beli. Dalam hal ini, pembeli rumah dan pemaju perumahan hendaklah membayar kos guaman masing-masing. Bagi transaksi yang dibuat di bawah perjanjian jual dan beli yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989, perkara ini jelas diperuntukkan di bawah fasal 28 Jadual G dan I serta fasal 32 Jadual H dan J.

Walau bagaimanapun, adalah didapati bahawa iklan yang menyatakan bahawa bayaran peguam akan dibuat oleh pemaju perumahan merupakan antara strategi yang digunapakai oleh

pemaju perumahan bagi memasarkan dan menjual rumah-rumah kepada bakal pembeli. Pembeli mempunyai kebebasan untuk tidak menggunakan peguam pemaju perumahan yang terlibat.

Bagi menjawab soalan bahagian (b),

Sememangnya Pengawal Perumahan tidak membenarkan iklan-iklan yang mengelirukan diiklankan oleh pemaju perumahan. Sekiranya pemaju melakukan perkara ini, ia menyalahi peruntukkan Peraturan 5(3) Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1989. Selain itu Peraturan 5(1A) di bawah Peraturan yang sama juga mensyaratkan pemaju membuat pengiklanan mengikut iklan yang diluluskan oleh Pengawal Perumahan. Oleh yang demikian setiap iklan yang diluluskan itu disemak serta diteliti supaya iklan tersebut tidak mengelirukan pembeli. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil tindakan pendakwaan ke atas 14 kes di bawah Peraturan 5(3) serta 2 kes kompaun di bawah Peraturan 5(1A).

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

TARIKH: 22 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [Ipoh Barat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah Mahkamah Perindustrian dan Mahkamah Buruh akan diprbaharui dan mengapakah terdapat lanjutan kes yang banyak di mahkamah-mahkamah ini.

PR-1211-L11431

JAWAPAN:

Tuan Yang Bli-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia mengendalikan kes-kes buruh yang melibatkan tuntutan daripada pekerja atau majikan melalui Mahkamah Buruh dan kes-kes pemuangan kerja dan pertikaian perusahaan melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) dan Mahkamah Perusahaan.

Berhubung dengan kes-kes yang dikendalikan oleh Mahkamah Buruh, Jabatan Tenaga Kerja, bagi tempoh Januari hingga Disember 2007 sebanyak 84% atau 12,138 kes daripada 14,419 yang difailkan telah diselesaikan.

Berikut adalah statistik pengendalian kes buruh pada tahun 2007 :

Bil. Kes Dikendalikan	Bil. Kes Selesai	Peratus Selesai	Baki Kes Di bawa ke 2008	Peratus Baki
14,419	12,138	84%	2,281	16%

Sebanyak 16% kes telah dibawa ke tahun 2008. Walaupun terdapat kes berbaki tetapi ianya masih baru iaitu kes yang difailkan pada bulan Disember 2007. Di dalam pengendalian kes buruh ini, kes tertunggak adalah kes yang melebihi tempoh satu tahun.

Daripada 12,138 (84%) kes yang telah diselesaikan, sebanyak 82% darinya telah diselesaikan dalam tempoh kurang dari 3 bulan sementara 18% kes diselesaikan dalam tempoh 4 hingga 8 bulan.

Mahkamah Perusahaan telah mengambil langkah-langkah pembaharuan dalam usaha mempertingkatkan keupayaan dalam penyelesaian kes dan sistem penyampaian yang lebih efisien dan plus seperti berikut:-

i. Menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI).

Kementerian melalui Mahkamah Perusahaan telah menetapkan tempoh masa penyelesaian kes bergantung kepada jenis kes. Bagi kes pembuangan kerja tempoh masa penyelesaian kes ditetapkan 24 bulan. Bagi kes-kes lain seperti ketidakpatuhan Award, Perjanjian Kolektif, Pertikaian Perusahaan; diselesaikan dalam tempoh 12 bulan.

Pengerusi Mahkamah Perusahaan hendaklah menurunkan Award dalam tempoh enam bulan dari tarikh akhir hujahan difailkan.

ii. Mewujudkan sistem elektronik Mahkamah Perusahaan (eMP) bertujuan bagi melicinkan pengurusan kes-kes mahkamah bermula dari pendaftaran kes hingga penurunan award. Melalui sistem portal eMP orang awam boleh menyemak status kes masing-masing dan memuat turun mana-mana award yang mereka kehendaki. Di

samping itu, portal eMP turut menyediakan ruangan khas perjanjian kolektif yang membolehkan orang awam terutamanya kesatuan serikat pekerja dan majikan menyemak perjanjian kolektif yang telah diberi pengiktirafan oleh mahkamah.

- iii. Membuka Cawangan Mahkamah Perusahaan di Terengganu yang mengendalikan kes-kes bagi Negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang.

Pencapaian penyelesaian kes di Mahkamah Perusahaan menunjukkan peningkatan seperti berikut

Tahun 2006	Bilangan 2,233 kes
Tahun 2007	Bilangan 2,367 kes

Pencapaian penyelesaian kes dan penurunan award berdasarkan KPI bagi tahun 2007 adalah seperti berikut:-

Jumlah kes yang diselesaikan/pembuangan yang diselesaikan dalam tempoh 24 bulan

- 1,505 (71.9%)

Jumlah kes-kes lain (selain daripada pembuangan kerja) yang diselesaikan dalam tempoh 12 bulan - 176 (67.7%)

Jumlah award yang diturunkan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh akhir hujahan difailkan - 2,223 (93.91%)

Perbicaraan sesuatu kes terpaksa ditangguhkan oleh Mahkamah disebabkan oleh permohonan pihak-pihak yang bertikai atas sebab-sebab yang munasabah. Antara sebab-sebab berlakunya lanjutan penyelesaian adalah seperti berikut:-

- a) peguam/wakil pihak bertikai tidak dapat memberi tarikh awal untuk membicarakan kes kerana terlibat dengan kes lain di Mahkamah Majistret/Sesyen/Tinggi/Mahkamah Rayuan dan sebagainya;

- b) peguam terpaksa berada di Mahkamah Majistret/Sesyen/ Tinggi/Rayuan/Persekutuan untuk prosiding kes sivil/jenayah;
- c) kegagalan memfailkan kenyataan bertulis (pliding) yang diarahkan dalam tempoh ditetapkan;
- d) pihak menuntut tidak dapat hadir pada perbicaraan yang ditetapkan atas sebab tertentu;
- e) anasa untuk membicarakan sesuatu kes itu atau sebutan kes terpaksa dipanjangkan di mana saksi utama sukar dikesan, sukar hadir di Mahkamah, saksi melibatkan Warganegara asing yang sukar hadir pada tarikh kelapangan mahkamah dan jumlah pihak menuntut yang ramai dalam sesuatu kes;
- f) terdapat pihak syarikat/majikan membuat permohonan *Certiorari/Judicial Review* ke Mahkamah Tinggi dan kes di Mahkamah Perusahaan tidak dapat diteruskan jika ada Perintah Pergantungan Prosiding/Penguatkuasaan (*Stay of Proceedings/execution*);
- g) syarikat-syarikat diletakkan di bawah Penerimaan (*receivership*)/digulung.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN RAIME BIN UNGGI
(TENOM)
TARIKH : 22 MEI 2008
SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan sejauh mana Kerajaan melaksanakan Gerakan Daya Wawasan (GDW) dalam membina rakyat Malaysia yang proaktif kepada usaha anjakan paradigma di kalangan masyarakat luar bandar.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Gerakan Daya Wawasan (GDW) ialah suatu program komprehensif membangunkan **sikap, kemahiran dan pengetahuan** individu, keluarga dan masyarakat luar bandar mencapai kecemerlangan. Seterusnya berfungsi sebagai agen perubahan yang berkesan menggerakkan penglibatan aktif dalam pembangunan sosio-ekonomi

peringkat kampung. Potensi yang diberi fokus di bawah GDW ialah daya manusia (modal insan), daya ekonomi (keusahawanan) dan daya saing (pasaran).

Antara pencapaian yang paling ketara ialah kejayaan Kerajaan melaksanakan anjakan paradigma di kalangan kumpulan miskin tegar untuk menguasai sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian bagi membolehkan mereka berdikari membebaskan diri daripada belunggu kemiskinan. Misalnya, kadar 5.2% (126,800 isi rumah) miskin tegar pada tahun 1990 telah menurun kepada 1.4% (26,500 isi rumah) pada tahun 2007.

Manakala di kalangan kampung-kampung cemerlang pula, GDW telah berjaya melakukan tranformasi ekonomi daripada berasaskan sektor pertanian ke bidang perkhidmatan. Misalnya, penglibatan Kg Parit Bugis, Muar, Johor; Kg. Pasir Raja, Dungun, Terengganu; Kg. Paya Guring, Arau, Perlis dan Kg (FB) Kuala Medang, Lipis, Pahang dalam RMKe8 dalam industri pelancongan desa/homestay telah menjaya menjana pendapatan antara RM30,000-RM40,000 setahun.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI
SAMSURI (BAGAN SERAI)

TARIKH : 22 MEI 2008 (KHAMIS)

SOALAN : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI
SAMSURI (BAGAN SERAI) minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan :-

Mengapa pusat-pusat PPK Semanggol dan Selinsing berikut ditutup iaitu Pusat Pengumpulan Benih Padi dengan kos RM800,00, Pusat Semaian Padi dengan kos RM120,000 dan Pusat

Pembakaran Sekam Padi dengan
kos RM80,000.

JAWAPAN

**:Oleh Y.B Menteri Pertanian dan
Industri Asas Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Dasar Pertanian Negara Ke Tiga (DPN3) peranan Pertubuhan Peladang dan ahli-ahli peladang di dalam pengeluaran hasil pertanian khususnya padi sedang dipertingkatkan melalui penyediaan kemudahan-kemudahan pemasaran yang mencukupi bagi memasarkan hasil pertanian dengan cekap dan berkesan.

Antara prasarana yang disediakan ialah Pusat-Pusat Pengumpulan Pukal Padi di seluruh negara. Jumlah pusat-pusat ini di seluruh negara adalah 16 buah dan dibangunkan di 11 buah lokasi

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Jumlah peladang yang memperoleh manfaat dari penubuhan pusat-pusat ini ialah 14,918 orang yang melibatkan pengendalian hasil padi berjumlah 51,489 metrik tan semusim. Nilai yang terhasil dari aktiviti ini ialah RM35 juta semusim atau RM70 juta setahun.

i) Pusat Pengumpulan Padi PPK Gunong Semanggol/Selinsing.

PPK Gunong Semanggol/Selinsing adalah salah sebuah PPK di bawah penyeliaan Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Perak yang mempunyai 3,308 ahli. Lokasinya dalam kawasan jelapang padi Kerian Sungai Manik telah mencorakkan aktiviti PPK kepada aktiviti pengeluaran padi. Sejumlah 1,988 orang ahli PPK Gunong Semanggol/Selinsing terlibat aktiviti penanaman padi bagi keluasan 6,000 hektar sawah. Data asas

pengeluaran hasil padi bagi tahun 2007 dari kawasan ini ialah 3.2 metrik tan sehektar semusim. Maka jumlah pengeluaran hasil padi setiap musim di kawasan ini ialah 19,200 metrik tan semusim. Peningkatan penghasilan padi di kawasan ini telah meyakinkan LPP dan pengurusan PPK Gunong Semanggol/Selinsing untuk mewujudkan infrastruktur sokongan aktiviti penanaman padi seperti Pusat Pengumpulan Pukal Padi, Pusat Semaian Padi dan Pusat Pembakaran Padi di kawasan pengendalian PPK.

Tujuan utama penubuhan pusat pengumpulan ini bagi memasarkan hasil padi dengan cekap dan berkesan. Dengan adanya Pusat Pengumpulan Padi Pukal tersebut, maka usaha dapat dibuat bagi mengintegrasikan beberapa perkhidmatan kepada peladang-peladang seperti pemasaran, jualan

input pertanian (baja dan racut) dan peralatan kecil pertanian.

Walaupun bagaimanapun Pusat Pengumpulan Padi Pukul di PPK Gunung Semanggol/Selinsing masih belum beroperasi disebabkan pembinaan laluan kecepatan dan kelambatan (acceleration and deceleration) ke tapak pusat pengumpulan daripada jalan utama seperti yang disyaratkan oleh pihak JKR masih belum disediakan. Peruntukan sebanyak RM240,000 telah pun disalurkan kepada JKR dan pembinaan laluan tersebut dijangka siap selewat-lewatnya pada Oktober 2008.

Di samping itu, pembinaan laluan kecepatan dan kelambatan ini juga melibatkan pengalihan paip air utama Lembaga Air Perak (LAP). Ianya melibatkan pemasangan paip s' bend

berukuran 600 mm di sebelah laluan utara dan selatan. Pemasangan di sebelah utara telahpun selesai manakala bahagian selatan masih dalam tindakan. Keseluruhan kerja pemasangan paip dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2008. Sekiranya kerja-kerja tersebut dapat disiapkan mengikut jadual, maka Pusat Pengumpulan Padi Pukul PPK Gunung Semanggol/Selingsing akan dapat beroperasi pada November 2008.

ii) Pusat Semaian Padi

Sebuah lagi prasarana yang disediakan oleh LPP dan PPK Gunung Semanggol/Selingsing ialah Pusat Semaian Padi yang bertujuan untuk membekalkan benih semaian padi ke Ladang Benih Padi dan Mini Estet Padi. Ianya berfungsi sebagai pusat utama pembekalan benih semaian kepada ahli-

ahli PPK Gunung Semanggol/
Selingsing dan lain-lain PPK.

Pusat ini telah beroperasi dengan baik bermula tahun 2004 sehingga Oktober 2007. Walau bagaimanapun, operasi Pusat Semaian ini dihentikan buat sementara waktu bagi memudahkan PPK melaksanakan kerja pembaikan terhadap tapak semaian yang rosak. Kerja-kerja pembaikan ini dijangka siap pada Ogos 2008.

iii) Pusat Pembakaran Sekam Padi

Operasi Pusat Pembakaran Sekam Padi bergantung kepada operasi Pusat Semaian Padi. Fungsi pusat ini ialah membekalkan sekam yang dibakar untuk dijadikan medium semaian padi. Jika tapak semaian padi tidak beroperasi, maka tiada keperluan untuk sekam yang dibakar. Oleh yang

demikian, operasi pusat ini hanya boleh diteruskan apabila kerja-kerja pembaikan tapak semaian di Pusat Semaian Padi disiapkan pada Ogos 2008.